



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 21 OGOS 2024 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• MBSJ PERKENAL TALIAN WHATSAPP JABATAN BERMULA ISNIN
2.	SELANGORKINI	• LAPOR PELBAGAI ISU KEPADA MBSJ HANYA MENERUSI WHATSAPP

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• MBSJ CONTACT NUMBERS

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MPKj MPAJ DBKL	• RUBBISH SNAGGER INSTALLED AT PJ LAKE • COMPOUND DISCOUNT • MPAJ LUCKY DRAW • PURR-FECT PARK FOR STRAY CATS IN KL
2.	KOSMO	MBDK	• PENIAGA ASING BERNIAGA SECARA 'RAMBO'

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• FOOTBALL THRILLS AT REOPENED STADIUM • NO PLAN FOR MPOX VACCINATION YET
2.	SINAR HARIAN	• GAJI PENJAWAT AWAM SELANGOR DISELARASKAN IKUT PERSEKUTUAN • KOMPAUN JIKA MASIH INGKAR GUNA BEG PLASTIK • RAKYAT DIGALAK MUAT NAIK VIDEOA, GAMBAR KIBAR BENDERA • PENGHAYATAN RUKUN NEGARA PERLU DITERAP SEAWAL PRASEKOLAH • GAJI BAHARU MASALAH LAMA • MALAYSIA MANFAAT AI, KENAL PASTI TRANSAKSI WANG DICURIGAI • PAU 2024 FOKUS KEPENTINGAN RAKYAT • MPOX: KERAJAAN BELUM CADANG LAKSANA VAKSINASI • MENILAI SEKTOR PERTANIAN DEMI KEMAKMURAN NEGARA
3.	HARIAN METRO	• LAHIR BAKAT DIGITAL NEGARA • PASANGAN BEKERJA DISARAN PILIH TAKSIRAN BERASINGAN • INSPIRASI REFORMASI AMALAN TATAKELOLA • BASMI KEGIATAN ULAT ARKITEK • MALAYSIA MILIKI PELUANG PIMPIN RANTAU ASEAN • PETRA UMUM CAJ AKSES PIHAK KETIGA GRID ELEKTRIK SELEPAS SESI LIBAT URUS
4.	KOSMO	• KEMPEN KIBARAN JIWA MERDEKA TINGKAT SEMANGAT PATRIOTIK
5.	BERITA HARIAN	• SSPA DORONG REFORMASI PENJAWAT AWAM KUASAI TEKNOLOGI BAHARU • HARGAI NIKMAT KEMERDEKAAN, HENTI REMEHKAN TUGAS PIHAK LAIN • PUTERA35 JATAKAN AGENDA PACU EKONOMI BUMIPUTERA • MALAYSIA MAMPU CAPAI TANGGA KE-25 CPI • PETRA ADAKAN SESI LIBAT URUS TELITI CAJ AKSES GRID TENAGA • LEBIH 7,000 PELUANG PENDIDIKAN TVET DITAWAR SEMPENA PAU 2024

BIL	AKHBAR	TAJUK
6.	UTUSAN MALAYSIA	• NAIK GAJI: SELANGOR AKAN UMUM SEBELUM DISEMBER • PERSATUAN PENGGUNA GESA KERAJAAN PANTAU HARGA • SELESAIKAN ISU KADAR PENCEN RENDAH DITERIMA PESARA GLC • MPOX: MALAYSIA BEBAS JANGKITAN, PANTAU SITUASI DI NEGARA ASEAN
7.	THE SUN	• RESPECT FOR RUKUN NEGARA SHOULD START AT PRESCHOOL • MALAYSIA SEEN AS MODEL IN PREVENTING FINANCIAL FRAUD

EDISI Follow >Selangor KL Follow

MBSJ perkenal Talian WhatsApp Jabatan Jabatan bermula Isnin

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY Follow

19 Ogos 2024 12:02pm Masa membaca: 1 minit



MBSJ memperkenalkan Talian WhatsApp Jabatan bermula Isnin.

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperkenalkan Talian WhatsApp Jabatan bagi penduduk bandar raya berkenaan membuat pertanyaan dan aduan secara terus.

MBSJ dalam satu hantaran di laman Facebooknya memaklumkan perkhidmatan yang bermula pada Isnin itu beroperasi pada hari dan waktu pejabat iaitu bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

"Bermula pada 19 Ogos, komuniti bandar raya dan orang ramai boleh menghubungi jabatan dalaman MBSJ secara terus melalui talian aplikasi WhatsApp pada nombor yang tertera di visual.

"Perkhidmatan ini beroperasi pada hari dan waktu pejabat iaitu bermula pada jam 8 pagi hingga 5 petang," menurut hantaran itu di laman media sosial berkenaan pada Isnin.

Menurut MBSJ, sebanyak 21 talian disediakan antaranya melibatkan Jabatan Kejuruteraan (019 6457833), Jabatan Landskap (0192637823), Jabatan Bangunan (0192197833) dan Jabatan Hasil (0193257823).

Dalam pada itu, MBSJ turut berkongsi info grafik dengan senarai penuh jabatan dan nombor talian WhatsApp jabatan dalaman di laman Facebook rasmi pihak berkuasa tempatan itu.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 21 OGOS 2024

Lapor pelbagai isu kepada MBSJ hanya menerusi WhatsApp

by Sheeda Fathil | August 20, 2024 9:20 am



SHAH ALAM, 20 OGOS: Orang awam kini boleh melaporkan sebarang aduan atau laporan secara terus kepada jabatan dalaman Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerusi WhatsApp.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menerusi Facebook memaklumkan perkhidmatan itu beroperasi pada hari bekerja bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

"Bermula pada 19 Ogos komuniti bandar raya dan orang ramai boleh menghubungi jabatan dalaman MBSJ secara terus melalui aplikasi WhatsApp dengan menghantar mesej pada nombor yang tertera," katanya.

Memetik laporan The Star baru-baru ini. Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Amirul Azizan Abd Rahim mahu mewujudkan saluran WhatsApp bagi memudahkan orang ramai melapor aduan secara terus kepada jabatannya.

"Ia akan berfungsi untuk menghubungkan penduduk dengan lebih cepat kepada PBT. Sebagai contoh, aduan mengenai jalan berlubang akan ditujukan kepada Jabatan Kejuruteraan.

"Penduduk perlu mengambil gambar dan menghantar lokasi tepat melalui WhatsApp bagi membolehkan MBSJ membuat tindakan susulan," katanya.



Perkhidmatan mesej melalui aplikasi 'Whatsapp' ini disediakan untuk warga penduduk MBSJ menyalurkan aduan dan membuat pertanyaan berkaitan perkhidmatan yang disediakan.

JABATAN KEJURUTERAAN 019-645 7833	JABATAN PENGUATKUASAAN 019-220 7823	JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR 019-653 7823
JABATAN LANDSKAP 019-263 7823	JABATAN PELESENAN 019-306 7823	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT 019-245 7823
JABATAN BANGUNAN 019-219 7833	JABATAN PERANCANGAN BANDAR 019-368 7833	JABATAN PERBENDAHARAAN 019-694 7823
JABATAN HASIL 019-325 7823	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA 019-648 7823	JABATAN OSC 019-254 7833
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 019-268 7823	JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN 019-697 7823	JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN 019-659 7833
JABATAN KESIHATAN 019-674 7823	JABATAN UNDANG-UNDANG 019-673 7823	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN 019-384 7823
JABATAN KORPORAT DAN PENGURUSAN STRATEGIK 019-675 7823	UNIT AUDIT DALAM 019-242 7823	UNIT INTEGRITI 019-364 7823

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 OGOS 2024

MBSJ CONTACT NUMBERS

All Subang Jaya City Council (MBSJ) departments can be reached via WhatsApp for the public to lodge complaints and make enquiries on working days, 8am-5pm. To get the WhatsApp numbers, visit MBSJ's social media platforms.

THE STAR

21 AUG 2024

Tarikh:.....

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

UNIVERSITI Malaya (UM) researchers have invented an innovative device to trap the growing amount of waste that is fuelling algae in Tasik Aman, located in Taman Aman, Petaling Jaya, Selangor.

Constructed from nets and buoys and strategically anchored to poles along the banks, Sampah Snagger 002 acts as a barrier to trap floating debris on the lake.

UM Sustainable Development Centre (UMSDC) research officer Affan Nasaruddin said its primary objective was to combat the adverse effects of rubbish, especially plastics, on local aquatic ecosystems and public health.

He said the rubbish barrier, comprising 21 buoys strung together with metal wiring and netting, was installed at one of the lake's inlets on July 24.

"It effectively traps floating debris, and is suitable to be installed at small streams and inlets of ponds and lakes.

"We were told by residents and visitors who frequently visit Tasik Aman that there is a lot of rubbish there," he told *StarMetro* at the High Impact Research Building in UM.

The Sampah Snagger environmental initiative, under the Petaling Jaya Social, Environment and Economy Development (SEED) Fund, is an effort by Affan and his team of researchers as well as scientists from UM and Monash University Malaysia to enhance sustainable water systems and bolster ecosystem resilience in Klang Valley.

Project leaders UM Research Management Department social research officer Nuratigah Mohamad Norpi and UM Centre for Civilisational Dialogue (UMCCD) research officer Chang Lee Wei secured the SEED grant, funded by Petaling Jaya City Council (MBPJ), last year.

With Sampah Snagger 002, Affan said they would be able to determine whether rubbish was coming from the drains or thrown into the lake.

"This is one of the methods to find the source of rubbish flowing into the lake," he added.

A *StarMetro* report on May 24 highlighted the researchers' collaboration on gathering data from Tasik Aman to find the reason for its decline, after microalgae invaded the 2ha lake.

Earlier this month, Affan said he was shocked to find what looked like a human hand floating in the lake.

"I thought it was a real hand, but it belonged to a doll.

Rubbish snagger installed at PJ lake

Researchers' new device in Taman Aman traps waste, stops risk of microplastics in water



21/8
9/10

A general view of Tasik Aman in Petaling Jaya. UM researchers are trying to find ways to address the microalgae problem there. — Filepic



StarMetro report on May 24.

"If we don't remove the rubbish, it will break down and contribute to microplastics.

"Organic materials such as dry leaf will break down and increase the nutrients leading to algae bloom in the lake," he said. Sampah Snagger 002 follows

successful implementation of a similar device, Sampah Snagger 001 at a UM stream where it has demonstrated its effectiveness in improving water quality.

The project was carried out by UM social enterprise *Sekitar Kita* with the assistance of 12

university students.

Affan said the team had updated MBPJ on its initiative.

"We told the city council not to collect rubbish at the lake because we need to analyse what is trapped in Sampah Snagger," he added.



Affan (right) and his team deploying Sampah Snagger 002 at Tasik Aman in Petaling Jaya.

THE STAR

Tarikh: 21 AUG 2024

COMPOUND DISCOUNT

Kajang Municipal Council (MPKj) is offering a RM10 flat rate for all parking compounds until Sept 30. The public can use Flexi Parking and Smart Selangor apps to check and pay their compounds. For details, call 1 800 88 6755 or visit www.mpkj.gov.my

STATE-LEVEL CELEBRATION

Selangor's National Day celebrations will take place on Aug 30 at Dataran Kemerdekaan Shah Alam from 8pm until midnight. Many activities have been planned including a parade, performances by local artists and fireworks display.

HEALTH AND SAFETY DAY

Friends of Taman Aman PJ will hold a Health and Safety Day event on Aug 24, 8.30am until noon, at the basketball court in Jalan 20/19, Taman Paramount, Petaling Jaya, Selangor. There will be free blood pressure and glucose checks, CPR demonstrations and safety talk by the Fire and Rescue Department.

MPAJ LUCKY DRAW

Ampang Jaya Municipal Council's second Jom Bayar Cukai Taksiran MPAJ lucky draw will take place from September to December. To be eligible, owners must have an MPAJ Intelligent Community (ICOMM) account and pay their assessment tax by Aug 31.

THE STAR

Tarikh: 21 AUG 2024

Purr-fect park for stray cats in KL

City Hall opens 'laman kucing' offering felines for adoption at Bandar Tun Razak

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

TO REDUCE the number of stray cats in the city, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) has launched a "Laman Kucing" (cat park) at Jalan Budiman, Bandar Tun Razak.

The cat park was initiated by Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and the then Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

It aims to provide shelter to stray and abandoned cats while creating awareness of the importance of animal welfare.

"The increasing number of stray cats raises concerns," said DBKL executive director (socio-economic development) Ismadi Sakirin.

"Last year, there were 2,052 complaints related to dogs, cats, rats and other pests, including 269 on cats.

"A total of 848 stray cats were caught last year.

"As of July this year, DBKL received 139 complaints related to stray cats and 377 cats were caught," he said.

The Prime Minister's political secretary Datuk Azman Abidin launched the cat park alongside DBKL Health and Environment Department director Dr Umi Ahmad.



A feline-themed performance during the launch of the cat park at Jalan Budiman in Bandar Tun Razak. — Photos: SHAARI CHEMAT/The Star

The felines will be provided with food and medical treatment.

To address the rising number of strays, DBKL also started a cat adoption programme in conjunction with the launch of the park.

The adoption drive at the park will be conducted in collaboration with NGOs on Tuesday, Thursday and the first

Saturday of every month.

Cats that are vaccinated, neutered and have undergone flea treatment can be adopted for a fee of RM200 while unvaccinated cats that are vaccinated and have undergone flea treatment can be adopted for RM70.

The cat park is open daily from 11am to 1pm and 2pm to 6pm.



Azman (top, left) and Ismadi each holding a cat at the cat park.



Left: Stray cats are placed at the DBKL facility and put up for adoption.

THE STAR

21 AUG 2024

Tarikh:.....

Football thrills at reopened stadium

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

After four-year hiatus, Sultan of Selangor's Cup makes comeback

MERDEKA Stadium reverberated with joy as Selangor secured a 2-1 victory over Singapore to retain the Sultan of Selangor's Cup for the third time running.

The last time the two sides met at the iconic venue was 1981.

The 20th edition of the Cup was particularly significant because it marked the reopening of the historical stadium following an eight-year restoration and return of the annual competition following a four-year hiatus.

While it was a special night for all fans of the Southeast Asian *El Clasico*, the delight would ultimately belong to the home crowd as Selangor clinched both the Veteran and Selection titles.

Rain throughout the evening did little to dampen the spirits of players or enthusiasm of the 20,000 fans packing the stadium.

They were treated to an engaging curtain-raiser featuring veteran players such as Selangor's Datuk Santokh Singh and Datuk Soh Chin Aun going up against the likes of Singapore's Fandi Ahmad.

The first goal of the match came early, in the third minute, when Datuk Zainal Abidin Hassan powered a shot into the net after receiving a well-timed pass from Ashrof Hanafiah.

Selangor extended their lead in the second half with a beautifully



Selangor Selection players with the Sultan of Selangor's Cup trophy at Merdeka Stadium after defeating Singapore 2-1. (Right) A masked Faisal in action. — Photos: Bernama



lobbed shot by Asmawi Bakiri in the 17th minute.

Singapore managed to pull one back during injury time courtesy of Mohamed Noor Ali but it was not enough to stop Selangor Veteran's 2-1 victory.

The event also featured a dramatic opening ceremony, with three members of the Police Air Wing Unit parachuting onto the pitch before presenting the main match ball to Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah,

and triggering a spectacular three-minute long fireworks display around the stadium.

Veteran artiste Datuk Jamal Abdillah kept the crowd entertained during match intervals.

The main Selection match saw Selangor's winger Faisal Halim donning the captain's armband for the first time this season.

Though Faisal was a constant threat to the Lions throughout the first half, his best effort grazed the top of the crossbar

during injury time.

Eight strategic substitutions by Selangor's head coach Nidzam Jamil, including replacing Faisal, injected new energy into the squad in the second half.

Selangor began to dominate possession and created multiple scoring opportunities.

The breakthrough finally came in the 82nd minute when substitute Ronnie Fernandez scored to put the state ahead.

Just as the crowd was rallying

for the home team to push forward, Singapore managed to equalise five minutes later through Faris Ramli's header.

As the clock ticked into stoppage time, Selangor was awarded a penalty and Alvin Fortes, who had been a constant presence throughout the second half, stepped up to take the shot.

Although his initial attempt was saved by Singapore's goalkeeper Mohd Syazwan Buhari, Fortes reacted quickly to score on the rebound, securing a 2-1 win.

This marked Selangor's 10th overall win since the competition's inception in 2001.

Next, Selangor FC will face Johor Darul Ta'zim FC in the FA Cup final on Aug 24.

THE STAR

Tarikh: 21 AUG 2024

No plan for mpox vaccination yet

Ministry ramping up surveillance though no new cases in M'sia this year

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: There is no plan yet to implement a vaccination programme for monkeypox (mpox) in the country but the Health Ministry is ramping up surveillance, says Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni.

"So far, we have not even talked about this vaccine and also if there is, we will fully study the requirements regarding mpox."

"If we look at the guidelines and also the way of infection, it can be avoided if the individual takes precautions such as by practising personal hygiene," he told reporters in Penang after officiating the 34th Malaysia-Thailand Border Health Scientific Conference yesterday.

He was commenting after the World Health Organisation (WHO) recently declared mpox a Public Health Emergency of International Concern (PHEIC).

Lukanisman said that so far no new cases of infection have been recorded in the country, but the ministry is always closely monitoring the situation, Bernama reported.

"Usually, the symptoms of mpox infection can be seen clearly through physical signs such as spots on the body and the patient can feel the effects."

"At present, there is no obstacle for the people of this country to go abroad but they must always be vigilant by taking the necessary measures to avoid infection," he said.

According to him, the government is also currently implementing strict controls at the country's border checkpoints as a precautionary measure.

"So far, the process we are doing is the same as during the pandemic. All precautionary measures have been taken by the

relevant agencies, especially at Immigration checkpoints and airports, and also at the border," he said.

WHO has declared monkeypox a PHEIC following an upsurge in cases in several African and Asian countries.

Globally, 99,176 lab-confirmed mpox cases, including 208 deaths, have been reported between Jan 1, 2022 and June 30 this year.

While no new mpox cases were reported in Malaysia this year, nine cases were reported last year. In Malaysia, the risk is said to be from imported cases.

Mpox cases have also been reported in neighbouring Indonesia, Singapore and the Philippines.

A PCR test is done to confirm the virus.

The WHO has released a detailed explanation on mpox.

What is mpox?

Mpox is an illness caused by the monkeypox virus. It is a viral infection which can spread between people, mainly through close contact, and occasionally from the environment to people via things and surfaces that have been touched by a person with mpox.

In settings where the monkeypox virus is present in wild animals, it can also be transmitted from infected animals to people who have contact with them.

Following a series of consultations with global experts, WHO has begun using a new preferred term "mpox" as a synonym for monkeypox.

What are the symptoms of mpox?

Common symptoms of mpox include a rash which may last for two-four weeks. This may start with, or be followed by, fever, headache, muscle aches, back pain, low energy and swollen

How can I protect myself and others against mpox?



being face-to-face with someone who has mpox (such as talking or breathing close to one another, which can generate infectious respiratory particles).

The virus can also spread during pregnancy to the foetus, during or after birth through skin-to-skin contact, or from a parent with mpox to an infant or child during close contact.

From animals to humans:

Someone who comes into physical contact with an animal which carries the virus, such as some species of monkeys or a terrestrial rodent (such as the tree squirrel) may also develop mpox.

Exposure via such physical contact with an animal or meat can occur through bites or scratches, or during activities such as hunting, skinning, trapping or preparing a meal. The virus can also be caught through eating contaminated meat which is not cooked thoroughly.

Who is at risk of mpox?

People who have close contact with someone who has mpox are at risk of infection. People who have contact with clothing, bedding, towels, objects, electronics and other surfaces that have been touched by someone with mpox are also at risk.

Is there a vaccine?

Yes. There are vaccines recommended by WHO for use against mpox.

At present, WHO recommends the use of MVA-BN or LC16 vaccines, or the ACAM2000 vaccine when the others are not available.

Only people who are at risk (for example, someone who has been a close contact of someone who has mpox, or someone who belongs to a group at high risk of exposure to mpox) should be considered for vaccination.

However, in some people, the illness can be severe or lead to complications and even death. Newborn babies, children, people who are pregnant and people with underlying immune deficiencies such as advanced HIV may be at higher risk of more serious mpox disease and death.

How does mpox spread?

From person to person:

Mpox spreads from person to person mainly through close contact with someone who has mpox. Close contact includes skin-to-skin (such as touching or sex) and mouth-to-mouth, or mouth-to-skin contact (such as kissing), and can also include

glands (lymph nodes). The rash looks like blisters or sores, and can affect the face, palms of the hands, soles of the feet, groin, genital and/or anal regions.

These lesions may also be found in the mouth, throat, anus, rectum or vagina, or on the eyes. The number of sores can range from one to several thousand.

Some people develop inflammation inside the rectum (proctitis) that can cause severe pain, as well as inflammation of the genitals that may cause difficulties urinating.

In most cases, the symptoms of mpox go away on their own within a few weeks with supportive care, such as medication for pain or fever.

THE STAR

Tarikh: 21 AUG 2024

Gaji penjawat awam Selangor diselaraskan ikut Persekutuan

SABAK BERNAM - Semua Penjawat awam negeri ini bakal menerima pelarasan gaji sama seperti diumumkan oleh kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, jumlah dan kadar peratusan itu akan dilaksanakan secara berfasa bermula 1 Disember dan 1 Januari 2026.

"Kita sudah bersedia dan ketika ini sedang mengira impak kewangan bagi pelarasan gaji tersebut," katanya ketika Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan

Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) di Dewan Tun Razak di sini pada Selasa.

Amirudin berkata, kerajaan negeri sudah maklum dengan penambahan peruntukan diperlukan bagi membiayai gaji penjawat awam.

Ketika ditanya mengenai tarikh pengumuman berhubung pelarasan gaji, Amirudin memaklumkan memerlukan masa sebelum membuat pengumuman.

"Apabila semuanya sudah siap, kita akan umumkan kepada penjawat awam dan sekarang masih terlalu awal," tambahnya.



Amirudin (duduk tengah) bersama wakil agensi dan penduduk ketika Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan MDSB di Sabak Bernam pada Selasa.

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 AUG 2024

Kompaun jika masih ingkar guna beg plastik

21/8 3M 22



Arul (kanan) melihat beg plastik biodegradasi dibenarkan.

SEREMBAN - Pemegang lesen perniagaan di negeri ini yang didapati masih menggunakan plastik sekali guna, polisterina dan penyedut minuman akan dikenakan tindakan kompaun serta merta.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan negeri, J Arul Kumar berkata, larangan itu termasuk kepada pemilik kedai runcit, restoran, peniaga pasar malam dan penjaja.

"Perkara ini sudah ditambah dalam syarat perniagaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan tempoh diberikan untuk tujuan peralihan mencukupi.

"Semua PBT sudah mengeluarkan larangan penggunaannya pada 5 Oktober 2022 melalui Majlis Bandaraya Seremban (MBS) sejak April 2021.

"Penguatkuasaan pula mula

dilaksanakan pada 1 Mei tahun lalu manakala MBS pada 1 April 2022," katanya selepas melakukan pemantauan penggunaan beg plastik di sebuah pasar raya di sini pada Selasa.

Sehubungan itu katanya, PBT tidak lagi menunggu atau tidak teragak-agak mengeluarkan kompaun kepada pemilik perniagaan yang ingkar.

Malah katanya, lesen perniagaan boleh dibatalkan sekiranya masih enggan mengikut arahan ditetapkan.

"Kompaun RM250 akan dikenakan dan jika didapati masih ingkar, mereka boleh didakwa di mahkamah.

"Semua PBT sudah menjalankan kempen kesedaran dan makluman jelas melalui hebahan di media sosial, papan iklan dan kaedah lain bersesuaian sejak tahun lalu," katanya.

Selain itu katanya, pemegang lesen perniagaan tidak dibenarkan mengenakan caj kepada pelanggan terhadap penyediaan atau pemberian beg plastik jenis biodegradasi yang dibekalkan secara sukarela.

Ujarnya, pengguna boleh membuat aduan kepada PBT untuk tindakan lanjut sekiranya dikenakan caj.

"Pemegang lesen perniagaan yang mahu membekalkan beg plastik kepada pelanggan hanya boleh menggunakan beg plastik biodegradasi yang mudah terurai, beg kertas, kain atau jaring.

"Bagi larangan bekas makanan jenis polisterina boleh digantikan dengan bekas makanan kertas atau bekas plastik LDP dan tidak perlu sediakan penyedut minuman kecuali atas permintaan atau gantikan daripada jenis selain plastik," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 AUG 2022

Rakyat digalak muat naik video, gambar kibar bendera

21/8 31m 2s

PUTRAJAYA - Rakyat Malaysia digalakkan untuk memuat naik video dan gambar mengibarkan Jalur Gemilang pada 31 Ogos dan 16 September depan di platform media sosial dengan hashtag #KibaranJiwaMerdeka.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam satu kenyataan berkata, kempen 'Kibaran Jiwa Merdeka' adalah sebahagian daripada usaha KPN untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

"Semua rakyat Malaysia yang berada dalam negara mahupun luar negara boleh mengambil bahagian dalam kempen Kibaran Jiwa Merdeka," kata kenyataan itu pada Selasa.

Dalam pada itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang memaklumkan, kemerdekaan sewajarnya difahami bukan hanya bebas daripada dijajah sebaliknya kemampuan rakyat menjalani ke-

hidupan lebih baik dan memiliki semangat cinta negara.

Melalui konsep Malaysia Madani, beliau berkata, ia menjadi kunci utama bagi menyatukan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian dalam kempen Kibaran Jiwa Merdeka ini.

"Diharapkan media sosial diserikan dengan gambar-gambar patriotik yang akan menjadi medan penyatuan rakyat Malaysia dan menanam pohon-pohon perpaduan," ujarnya.

Pada 5 Jun lalu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil mengumumkan 'Malaysia Madani: Jiwa Merdeka' dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) tahun ini.

Katanya, pemilihan tema itu merupakan lambang kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati dirinya.



[KLIK]

JALUR GEMILANG TAPAK TANGAN | Sebahagian murid-murid sekolah dari suku kaum Semang Beri mewarnakan Jalur Gemilang dengan tapak tangan pada Program Sambutan Bulan Kebangsaan dan Penghayaan Kemerdekaan Bersama Komuniti Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berus, Kuala Berang pada Selasa.

SEMARAK MERDEKA | Pengarah Jabatan Penerangan (Japen) Labuan, Azman Sipan (tujuh dari kanan) bersama Komuniti Madani Kampung Tanjung Kubong, Labuan bergambar dengan Jalur Gemilang di pelarangan Surau Tanjung Kubong sempena program inisiatif 'Satu Rumah Satu Jalur Gemilang' bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 pada Selasa.



SINAR HARIAN
Tarikh: ...21 AUG 2024...

Penghayatan Rukun Negara perlu diterap seawal prasekolah

21/8 Sinar

KPN gerak usaha bersama beberapa kementerian tingkat kefahaman masyarakat

PUTRAJAYA

Penghayatan Rukun Negara dalam sistem pendidikan negara harus diterapkan seawal peringkat prasekolah seperti di Tadika Perpaduan hingga pendidikan tinggi, kata Timbalan Menteri Perpaduan Negara, K Saraswathy.

Beliau berkata, sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menggerakkan usaha bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Komunikasi serta badan bukan kerajaan (NGO) bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat melalui pendidikan Rukun Negara.

"Kerajaan dan rakyat perlu



Saraswathy (belakang, lima dari kanan) bergambar kenangan berlatarbelakangkan mural Rukun Negara pada Majlis Pengumuman Pemenang dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Wilayah Persekutuan 2024 di SMK Putrajaya Presint 5 (1) pada Selasa.

menjalankan peranan masing-masing untuk memupuk dan membina perpaduan nasional dalam kepelbagaian bagi mencerminkan realiti Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

"Selain itu, kerajaan dan rakyat perlu bersama-sama mendukung Perlembagaan Persekutuan dan memper-

tahankannya kerana ia merangkumi kontrak sosial yang negara ini dirikan dan memberikan perlindungan hak untuk semua rakyat," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Wilayah Persekutuan 2024 dan Pelancaran Program Arkib@

Sekolah di sini pada Selasa.

Saraswathy berkata, KPN melalui Majlis Mesyuarat Penasihat Perpaduan Negara sebelum ini telah meluluskan Modul Penghayatan Rukun Negara dibangunkan dan di-aplikasikan di enam zon negeri bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara.

Rukun Negara diisytiharkan

pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu iaitu Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin sebagai asas perpaduan dan pegangan leluhur rakyat Malaysia selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Sementara itu, Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara berkenaan merupakan satu daripada usaha KPN melalui Arkib Negara Malaysia bagi memupuk semangat patriotisme, memperkukuhkan penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara serta memperkasakan penghayatan terhadap sejarah, budaya dan warisan negara.

Pertandingan itu bermula pada Mei lepas dan dibuka kepada semua sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Terdahulu, Saraswathy turut menyampaikan hadiah kepada lima pemenang iaitu juara diraih Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 5(1), SMK Maxwell Kuala Lumpur (naib juara), SMK Putrajaya Presint 14(1) (ketiga), SMK St Anthony, Labuan (keempat) dan SMK St Gabriel, Kuala Lumpur (kelima). - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 AUG 2024

Gaji baharu masalah lama

21/8 2024



KISAH
SEMINGGU

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

"Ada satu teka teki, 'tak cukup, ditambah, bertambah tak cukup'. Apakah dia?"

Itu soalan daripada seorang penceramah dalam sebuah bengkel yang saya hadiri lama dahulu, pada tahun di mana si dia yang pernah singgah di hati saya, walaupun saya tentunya tidak pernah singgah di hatinya, Raden Rara Nike Ratnadilla a.k.a. Nike Ardilla, terkorban dalam nahas jalan raya di Bandung. Al-Fatihah untuk almarhumah.

Sebaik soalan itu habis ditanya, hampir serentak seisi dewan menjawab, 'gaji!'. Meremut bunyinya.

"Betull Bijak! Semuanya pandai," puji si penceramah.

Saya tidak tahu peserta-peserta lain, tetapi saya tidak teruja dengan pujian itu. Sebabnya ceramah yang kami hadiri itu adalah mengenai MLM, dan menjadikan gaji sebagai sasaran perlecehan merupakan amalan lazim dalam sesi-sesi ceramah sedemikian. Oleh itu tidak susah bagi sesiapa pun menjangkakan jawapan bagi teka-teki tersebut.

"Ya, gaji kita tidak pernah cukup.

Tambahlah seberapa banyak sekalipun, kita tetap rasa ia masih kurang. Kita jadi begitu sebab kita bergantung padanya. Sebab kita tak ada punca lain. Sebab..."

Saya mohon berhenti setakat itu sebab ayat seterusnya akan menyebabkan kita menjadi sangat bersemangat sebagaimana kebanyakan peserta-peserta lain, atau menjuihkan bibir beberapa inci ke hadapan sebagaimana saya.

Sebetulnya setiap kali orang bercakap tentang gaji, secara spontan saya akan kembali teringat pada teka-teki itu. Demikian jugalah apabila Perdana Menteri mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam baru-baru ini.

Pelarasan gaji itu tentu sahaja mengembirakan 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara. Bagi warga kayangan, dua tiga ratus ringgit mungkin tidak memberi makna apa-apa. Tidak cukup untuk membeli sekotak cigar. Tetapi bagi kebanyakan orang kebanyakan, dua tiga ratus itu boleh menjadi penyelesaian kepada banyak masalah. Seorang rakan saya daripada kumpulan pelaksana akan menerima gaji baharu berjumlah RM3,040 pada 1 Disember nanti berbanding gaji sekarang RM2,800. Katanya, dengan kenaikan RM240 itu dia boleh melunaskan bil elektrik dan bil air rumahnya tanpa mengusik 'gaji lama'.

"Pada 1 Januari 2026 apabila fasa kedua dilaksanakan, saya akan menerima RM3,359.80 iaitu tambahan sebanyak RM319.80 berbanding gaji baharu fasa satu. Oleh kerana keperluan saya cuma

RM3,040 sebulan, bermakna semua RM319.80 itu saya boleh simpan setiap bulan," katanya dengan panjang lebar.

Kata-kata yang menyebabkan saya tersenyum lebar, walaupun hanya di dalam hati. Cerita orang membuat congkak-congak indah selepas mendapat gaji baharu, adalah satu perkara lazim. Sama lazimnya dengan cerita orang yang mengeluh gajinya masih tidak cukup selepas beberapa bulan memperoleh gaji baharu. Naiklah berapa kali dan berapa banyak sekalipun, pada penghujungnya kebanyakan mereka akan kembali menjadi seperti maksud teka-teki yang diberi oleh penceramah MLM yang saya sebut di atas, 'tak cukup ditambah, bertambah tak cukup'.

Selalunya yang dijadikan kambing hitam adalah kos sara hidup. Sejak zaman gula berharga 40 sen sekat, teh berharga 15 sen secawan, peningkatan kos sentiasa dijadikan sebagai faktor penyebab kepayahan hidup seseorang.

Memang tidak dinafikan kenaikan gaji sering menjadi lif yang mengangkat naik harga barangan dan perkhidmatan. Kadang-kadang gaji belum naik lagi, baru sebut-sebut, 'lif' sudah bergerak ke atas terlebih dahulu. Ironinya, bila gaji kena potong, segala yang naik itu tidak pandai pula turun.

Tetapi masalah kos sara hidup bukanlah segala-galanya. Ada sebab lain yang menjadi jembalang dan punca masalah itu bukan orang lain, tetapi diri sendiri.

Gaji mempunyai kaitan rapat dengan

status dan gaya hidup. Gaji yang lebih banyak akan mendorong pada keinginan yang lebih banyak juga. Disebabkan itu kita mungkin mula menghabiskan lebih banyak wang untuk perkara-perkara baharu, termasuk yang mewah-mewah. Perkara-perkara yang dahulunya kita anggap tidak penting dan tidak perlu, tetapi sebaik berduit kita mula merasakan tidak boleh hidup tanpanya.

Dalam keadaan begitu kita juga mula melihat apa yang orang lain ada bukannya bersyukur dengan apa yang kita ada. Ia seterusnya mendekatkan kita dengan segala macam bisikan termasuk yang berbunyi, 'alag-alag ada duit lebih baik belanja, nanti kalau tiba-tiba mati, tidaklah ralat sangat.'

Apabila telah ada alasan untuk menjustifikasikan tindakan, tiada apa lagi yang boleh menghalang keinginan.

Saya tidak mahu menulis tentang bagaimana menguruskan kewangan supaya kita tidak kembali terperangkap dalam keadaan 'gaji tak cukup' kerana bagi saya perkara paling asas bukanlah menguruskan duit ringgit, tetapi mengendalikan nafsu-nafsi. Sehebat mana pun formula pengurusan kewangan yang dipelajari, ia tidak memberi erti kalau kita masih mendengar kata hati.

Dan seorang kawan menambah, ".... kalau kita masih mendengar kata isteri." #dush!

* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik dan bekas wakil rakyat

SINAR HARIAN

Tarikh:2.1.AUG.2024....

Malaysia manfaat AI, kenal pasti transaksi wang dicurigai

21/8 Sinar
KUALA LUMPUR - Portal Fraud Kebangsaan (NFP) yang dilancarkan pada Selasa sedang ditambah baik bagi membolehkan kecerdasan buatan (AI) dapat digunakan bagi mengenal pasti transaksi mencurigakan melalui analisis ramalan.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour berkata, antara ciri utama NFP adalah reka bentuk modular yang membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan pada masa hadapan terhadap infrastruktur asas sedia ada.

Menurutnya, walaupun data menunjukkan jumlah kerugian yang ditanggung oleh mangsa penipuan kewangan secara keseluruhannya agak kecil berbanding jumlah transaksi kewangan domestik, Malaysia perlu lebih peka mengenal pasti dan mengatasi ancaman ini.

"Perjalanan kita untuk memerangi penipuan masih panjang dan berliku. Saya ingin menegaskan mengenai tiga tema utama ke arah usaha kita untuk memerangi penipuan kewangan," katanya dalam ucapan semasa pelancaran NFP di sini.

Menurutnya, pertama, negara harus mengoptimalkan penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan keupayaan memandangkan taktik penipuan kewangan akan terus berkembang.

"Kedua, tindakan bersepadu perlu terus diterapkan dalam usaha yang dilaksanakan memandangkan membanteras penipuan kewangan memerlukan pendekatan seluruh negara serta kerjasama erat sektor awam dan swasta.

"Dalam hal ini, saya ingin berkongsi maklum balas positif yang diterima untuk NFP, dengan 16 institusi kewangan telah menyertai portal ini dan banyak lagi institusi akan menyusul dalam

masa terdekat," ujarnya.

Sehubungan itu, Abdul Rasheed berkata, BNM dan industri kewangan mengalu-alukan penglibatan baharu dan meluaskan penglibatan sedia ada daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan dalam ekosistem digital yang lebih umum untuk mengukuhkan lagi tindak balas bersepadu.

Ulasnya, ketiga, usaha gigih perlu diteruskan bagi memperkasa pengguna agar lebih berwaspada membanteras penipuan kewangan.

"Orang ramai merupakan benteng pertahanan pertama bagi mencegah penipuan kewangan. Sama penting di sini adalah usaha industri kewangan untuk menangani akaun keldai dan mendidik orang ramai agar tidak terjebak menjadi mangsa akaun keldai," jelasnya.

Katanya, bagi menyokong usaha ini, baru-baru ini protokol pengendalian akaun keldai peringkat industri telah dikeluarkan untuk mempertingkatkan keupayaan industri bagi mengesan akaun keldai.

"Penambahbaikan NFP juga sedang dirancang bagi membolehkan pengguna melaporkan transaksi mencurigakan secara terus daripada akaun perbankan dalam talian atau akaun perbankan mudah alih mereka," ujarnya.

Pelancaran NFP meningkatkan kemampuan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) yang ditubuhkan pada tahun 2022, dengan mengautomasikan keupayaan pusat berkenaan untuk mengesan dana yang dicuri merentas pelbagai institusi kewangan (FI) dan sistem pembayaran.

Abdul Rasheed berkata, setakat Jun 2024, NSRC telah membuka lebih 12,000 kertas siasatan dan membekukan RM72 juta daripada akaun yang dikenal pasti melalui perintah oleh Polis Diraja Malaysia. - Bernama



ABDUL RASHEED

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 AUG 2024

PAU 2024 fokus kepentingan rakyat

21/8
Sinar

Tidak seperti edisi sebelum ini yang lebih tertumpu kepada perbincangan politik dan hal dalam parti, Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2024 yang membuka tirainya hari ini memilih untuk memfokuskan isu berkaitan kepentingan rakyat.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, perhimpunan yang dinanti-nanti oleh lebih tiga juta ahli itu akan memfokuskan isu rakyat.

Jelas Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu, mesyuarat UMNO bahagian yang berbilang sebelum ini juga lebih banyak membangkitkan usul melibatkan kepentingan rakyat.

Sehubungan itu, beliau juga mengesahkan perhimpunan yang berlangsung

empat hari ini tidak akan mendalami resolusi tentang pemilihan parti khususnya membabitkan pertandingan dua jawatan tertinggi.

Menerusi wawancara khas sempena PAU 2024 baru-baru ini bersama beberapa media termasuk *Sinar Harian* yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Ahmad Zahid turut menyentuh pelbagai isu lain, termasuklah persediaan UMNO mendepani Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).



SINAR HARIAN

Tarikh:2..1...AUG..2024....

Langkah berjaga-jaga bagaimanapun diambil di semua pintu masuk negara

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Kerajaan belum bercadang melaksanakan program vaksinasi bagi penyakit cacar monyet atau Mpox untuk rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, setakat ini tiada perbincangan dibuat mengenai perkara itu, namun kajian secara mendalam perlu dibuat terlebih dahulu sekiranya terdapat keperluan untuk melaksanakannya.

Menurutnya, jangkitan Mpox ini boleh dielak sekiranya orang ramai mengambil langkah berhati-hati selain menjaga kebersihan sendiri.

"Simptom jangkitan Mpox ini juga senang dikenal pasti dari

sudut fizikal terutama sekali tom-pok di badan selain pesakit sendiri boleh rasakan kesannya," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian The 34th Malaysia-Thailand Border Health Scientific Conference 2024 di sini pada Selasa.

Tambah Lukanisman, kerajaan sedang berhubung rapat dengan semua negara ASEAN bagi memantau kes Mpox di negara-negara berkenaan.

Selain itu, katanya, kerajaan juga bekerjasama dengan beberapa agensi lain untuk membuat ujian saringan di pintu masuk sempadan seperti di lapangan terbang dan di laluan masuk negara lain.

"Setakat ini proses yang kita lakukan adalah sama seperti ketika pandemik (Covid-19).

Mpox: Kerajaan belum cadang laksanakan vaksinasi



Lukanisman (depan, dua dari kanan) melawat reruai di Malaysia-Thailand Border Health Scientific Conference 2024 pada Selasa.

Semua langkah berjaga-jaga telah diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan terutama sekali di pintu masuk imigresen, lapangan terbang dan juga di sempadan serta kita akan rujuk kepada mereka jika ada keperluan," katanya.

Buat masa ini, ujarnya, tiada halangan untuk sebarang aktiviti keluar masuk ke negara ini.

"Satu kenyataan rasmi telah dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini ter-

masuk semua garis panduan terutama sekali kaedah perawatan yang boleh digunakan untuk Mpox," katanya.

Jelasnya, sehingga kini tiada jangkitan baharu Mpox direkodkan oleh KKM.

Sebelum ini, KKM sentiasa bersedia sedia melalui pengukuhan aktiviti survelan dan advokasi berkaitan Mpox termasuk meningkatkan pemantauan di semua pintu masuk antarabangsa.

Ini susulan pengisytiharan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa Mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (Kecemasan Kesihatan Awam dengan Kebimbangan Antarabangsa-PHEIC) untuk kali kedua pada 14 Ogos lepas.

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 AUG 2024

Menilai sektor pertanian demi kemakmuran negara

Banci Pertanian 2024 bantu pemerkasaan pertanian negara

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dilaksanakan bermula 7 Julai hingga 10 Oktober 2024 bertujuan untuk memahami keadaan sebenar industri pertanian secara keseluruhan di Malaysia.

Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Nazaria Baharudin berkata, bancian kali keempat itu meliputi individu dan pertubuhan atau syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian melibatkan tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur, perhutanan dan pembalakan.

Menurut beliau, ia akan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa Kementerian dan agensi iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

"Kali pertama banci pertanian dilaksanakan adalah pada tahun 1960 melibatkan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak sebelum diperluaskan ke Sabah pada 1961.

"Pelaksanaan bancian tahun ini sejajar dengan resolusi *Food and Agriculture Organisation (FAO)*, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan supaya semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun.

"Negara Indonesia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka melaksanakan banci pertanian dengan kekerapan 10 tahun sekali tetapi ada negara yang melakukannya setiap lima tahun sekali iaitu Australia, Kanada dan Republik Korea," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program *Interviu* bertajuk 'Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian' yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu, Nazaria menjelaskan, statistik pertanian merupakan data penting untuk digunakan di peringkat perancangan negara.

Justeru menurut beliau, unit

statistik bagi sektor pertanian adalah pegangan pertanian yang merujuk kepada pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah yang terlibat dalam sektor pertanian.

"Aktiviti pertanian merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan.

"Dianggarkan sebanyak 1.12 juta tempat kediaman dan 20,000 pertubuhan akan diliputi sepanjang bancian ini dilaksanakan.

"Aktiviti ini akan melibatkan seramai 5,000 pembanci dan penyelia operasi di seluruh negara dan dianggarkan seorang pembanci boleh melengkapkan tiga hingga empat maklumat soal selidik sehari," jelasnya.

Cabaran bancian pertanian

Sementara itu, Nazaria turut mengakui aktiviti bancian akan menempuhi pelbagai cabaran namun optimis ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Di peringkat DOSM, beliau berkata, agensi itu telah melaksanakan latihan terperinci meliputi 'training the trainer' hingga pembanci.

"Cabaran memang ada, kalau di Semenanjung secara amnya yang terlibat adalah pengusaha pertanian, jadi amat sukar untuk ditemui pada waktu bancian dijalankan iaitu pukul 9 pagi hingga 5 petang.

"Kalau di Sabah dan Sarawak pula, sudah pasti faktor geografi

menjadi halangan kerana di kawasan pedalaman, kena naik perahu atau pacuan empat roda untuk sampai kepada sasaran," katanya.

Mengenai pemilihan mod pembancian, Nazaria memaklumkan ia mengikut kesesuaian kumpulan sasar mengikut kawasan yang dibanci.

Menurutnya, Malaysia menggunakan pakai kaedah temuramah bersemuka melalui 'Paper and Pen Interview' (PAPI) bagi Banci Pertanian 2024.

"Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehpasaran dan kesesuaian mengikut kategori responden.

"Tiga kategori borang soal selidik banci digunakan iaitu Borang AC1 melibatkan profil isi rumah, Borang AC2 untuk dapatkan perincian maklumat ahli isi rumah yang terlibat pertanian dan Borang AC3 bagi melaporkan aktiviti pertanian kendalian pertubuhan atau syarikat," jelasnya.

Manfaat pelaksanaan banci pertanian

Berbaki kurang dua bulan sebelum tarikh akhir Banci Pertanian 2024, Nazaria menjangkakan proses mengumpul

data dan maklumat dapat diselesaikan selwatnya penghujung Disember tahun ini.

Justeru menurut beliau, laporan bagi data pertama dijangka tersedia dan disiarkan pada suku pertama tahun 2025.

"Namun itu bukan satu sahaja maklumat yang akan terbitkan sebab kita ada perancangan untuk mengeluarkan beberapa siri penerbitan.

"Laporan pertama melibatkan keseluruhan dapatan, kemudian kita akan terbitkan yang lebih spesifik iaitu menjurus kepada tanaman, perikanan, perhutanan dan pembalakan serta ternakan," jelasnya.

Dalam pada itu Nazaria berpandangan, beberapa golongan bakal mendapat manfaat daripada laporan bancian tersebut termasuk pembuat dasar dan ahli akademik.

Ini kerana ujanjarnya, dapatan tersebut menyediakan statistik pertanian masa sebenar, komprehensif dan berguna kepada semua pihak.

"Selain itu golongan penyelidik dapat menjalankan kajian lanjut untuk menyumbang kepada pengetahuan dan teknologi baharu dalam sektor pertanian.

"Orang awam juga boleh mengetahui senario industri pertanian dan boleh akses data tersebut untuk mendapatkan manfaat," ujanjarnya.



Nazaria (kanan) dan Haizir pada program *Interviu* bertajuk 'Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian' yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* pada Isnin.

“Malaysia menggunakan pakai kaedah temuramah bersemuka melalui 'Paper and Pen Interview' (PAPI) bagi Banci Pertanian 2024.”

- Nazaria

MBDK gempur Pasar Malam Teruntum, tindakan kompaun, gerai disita

Peniaga asing berniaga secara 'rambo'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG – Kebanjiran warga asing yang mengendalikan perniagaan di Pasar Malam Teruntum di sini berakhir apabila digempur pihak berkuasa dalam kejadian pada Ahad lalu.

Operasi bermula pukul 5 petang itu dijalankan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dengan sebanyak 21 kompaun dikeluarkan.

Pengarah Komunikasi Korporat MBDK, Norfiza Mahfiz berkata, serbuan tersebut hasil aduan dengan pemeriksaan dijalankan terhadap 51 peniaga kesemuanya.

Hasilnya menunjukkan tujuh peniaga tempatan berniaga tanpa lesen dan 14 peniaga melanggar syarat perniagaan iaitu menggunakan khidmat pekerja warga asing dan tidak menyediakan tong sampah.

"Pasukan serbuan turut menyita tiga gerai yang dijalankan oleh peniaga warga asing yang



ANTARA barangan yang disita daripada peniaga warga asing di Pasar Malam Teruntum, Klang pada Ahad lalu.

bergerak secara 'rambo' di lokasi tersebut.

"Sitaan tersebut melibatkan barangan keperluan termasuk sayur-sayuran dan barangan basah ikan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau menjelaskan, arahan tegas juga diberikan peniaga agar tidak menggunakan pekerja warga asing bagi mengendalikan perniagaan mereka dengan pemilik perlu berada di lokasi.

Ujar Norfiza, tindakan pembatalan lesen akan dikenakan terhadap pemilik lesen yang melanggar syarat lesen peniaga pasar malam.

"Tindakan 21 kompaun turut dikeluarkan dengan 13 daripadanya di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 15 (1) penaja iaitu mengambil pekerja warga asing tanpa kebenaran selain tujuh di bawah UUK3 menjalankan perniagaan tanpa lesen dan satu tidak menyediakan tong sampah," katanya.

KOSMO

Tarikh: 21 AUG 2024

Kempen Kibaran Jiwa Merdeka tingkat semangat patriotik

21/8 KOSMO

PUTRAJAYA – Kementerian Perpaduan Negara menyeru agar rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam kempen memuat naik video dan gambar mengibarkan Jalur Gemilang pada 31 Ogos dan 16 September ini di platform media sosial dengan tanda pagar #KibaranJiwaMerdeka.

KPN dalam kenyataan berkata, Kempen Kibaran Jiwa Merdeka sebahagian usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama serta budaya.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan sama berkata, kemerdekaan sewajarnya difahami bukan hanya bebas daripada dijajah, sebaliknya kemampuan rakyat menjalani kehidupan lebih baik dan memiliki semangat cintakan negara.

"Melalui konsep Malaysia Madani, ia kunci utama bagi menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

"Saya menyeru agar semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian dalam Kempen Kibaran Jiwa Merdeka ini," ka-



RAKYAT Malaysia diminta mengibarkan Jalur Gemilang walau di mana berada. – GAMBAR HIASAN

tanya.

Beliau berharap agar media sosial diserikan dengan gambar-gambar patriotik yang akan menjadi medan penyatuan rakyat.

"Kementerian berharap agar kempen ini secara tidak langsung dapat meraikan kepelbagaian, mempromosikan kebersamaan seterusnya membentuk jati diri yang dapat membina semangat cintakan negara," ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan

Menteri Perpaduan Negara, Saraswathy Kandasami berkata, Rukun Negara bukan sekadar ideologi, tetapi juga panduan yang harus dihayati dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.

Katanya, bagi menyemarakkan perpaduan, penghayatan Rukun Negara perlu diterapkan lebih awal ke dalam sistem pendidikan negara.

"Ia harus diterapkan seawal peringkat prasekolah seperti



POSTER Kempen Kibaran Jiwa Merdeka yang dikongsikan Kementerian Perpaduan Negara.

di taska dan tadika sehingga ke peringkat pendidikan tinggi," katanya pada Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Wilayah Persekutuan 2024 di Putrajaya.

KOSMO

Tarikh: ..2.1.AUG..2024



DUDUK dari kiri, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan Sunway, Datuk Dr Elizabeth Lee; Pengarah Kanan MyDigital, Ellina Roslan di majlis menandatangani MoU sambil disaksikan Gobind Singh (berdiri tengah).

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

KERJASAMA 42 MY, MYDIGITAL

Lahir bakat digital negara

Sekolah pengkodan tanpa yuran pertama di negara ini, 42 Malaysia (42 MY) yang dilancarkan oleh Sunway, menjalin kerjasama strategik dengan MyDigital Corporation bagi membangunkan landskap bakat digital Malaysia, terutamanya dalam bidang pengkomputeran awan, keselamatan siber dan kecerdasan buatan.

Kerjasama itu menyaksikan kedua-dua pihak memanfaatkan kekuatan masing-masing untuk mengatasi kekurangan bakat digital di Malaysia.

Menteri Digital Malaysia, Gobind Singh berkata, matlamat 42 adalah untuk menawarkan integrasi profesional yang mampan ke dalam pasaran kerja.

Katanya, ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan tenaga

kerja yang celik digital dan bersedia untuk masa depan, serta untuk meningkatkan secara dramatik keupayaan kita untuk mencipta bakat berkualiti tinggi.

"Bakat digital adalah penting dalam zaman di mana kecerdasan buatan (AI) dijangka mempengaruhi hampir 40 peratus pekerjaan di seluruh dunia dan melengkapkan yang lain.

"Contohnya dalam sektor keselamatan siber, di mana Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 25,000 pekerja menjelang 2025.

"Pada masa ini, terdapat 13,000 pekerja di bidang ini, dengan kekurangan

12,000 pekerja," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Kanan MyDigital berkata, MoU terbabit menggariskan beberapa potensi kerjasama seperti penyelidikan dan pembangunan bersama, program pertukaran bakat merentas sempadan, bengkel kolaboratif, perkongsian awam-swasta dan pembabit 42 MY dalam Program Kepimpinan Digital Eksekutif MyDigital.

"Program itu direka untuk membangunkan pemimpin digital yang akan memimpin organisasi dalam perjalanan transformasi digital mereka.

"Kami teruja dan komi-

ted untuk bekerjasama rapat dengan 42 MY dalam memastikan capaian yang lebih luas, aksesibiliti dan inklusiviti program mereka kepada lebih ramai rakyat Malaysia," katanya.

Bagi Ketua Pegawai Operasi 42 MY, Jeff Sandhu berkata, semua kadet yang tamat pengajian dari 42KL sudah meneruskan peranan berkaitan pengkodan dengan gaji melebihi median nasional.

"Bersama dengan MyDigital, 42 MY menantikan kerjasama yang bermanfaat untuk membangunkan ekonomi digital Malaysia dan memberikan manfaat ketara untuk negara," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh 21 AUG 2024

PELEPASAN CUKAI

Hm 7/8

Pasangan bekerja disaran pilih taksiran berasingan

Kuala Lumpur: Pelepasan cukai melibatkan anak antara yang sering dan mudah dituntut oleh pembayar cukai, sekali gus dapat memberi kesan besar dalam langkah penjimatan cukai.

Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Selangor Ili Diyana Abd Hadi berkata, hal ini kerana ibu bapa mempunyai dokumen sokongan anak iaitu sijil kelahiran atau sijil akuan anak angkat bagi

membolehkan mereka menikmati potongan yang disediakan untuk pelepasan cukai.

Beliau berkata, terdapat empat jenis pelepasan berkaitan anak yang diperuntukan iaitu anak berumur 18 tahun ke bawah dengan potongan RM2,000 bagi setiap anak, manakala anak yang berumur 18 tahun ke atas dan belajar peringkat tinggi iaitu diploma dan ke atas di dalam Malaysia serta peringkat ijazah dan

ke atas untuk yang belajar di luar negara, mendapat pelepasan RM8,000.

Bagi anak kurang upaya pula katanya, sebanyak RM6,000 diberikan selain pelepasan tambahan RM8,000 untuk anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas yang menyambung pelajaran pada peringkat lebih tinggi.

"Dalam borang ada kolum 100 peratus dan 50 peratus, apa bezanya? Untuk 100 peratus adalah bagi pasangan yang berkah-

win dan boleh dituntut oleh suami atau isteri bagi seorang anak dan tidak boleh menuntut untuk anak yang sama.

"Ruang 50 peratus pula adalah bagi pasangan yang telah bercerai dan boleh menuntut atas anak yang sama," katanya dalam temubual Bernama Radio yang membincangkan Cara Maksimumkan Penjimatan Cukai, semalam.

Selain itu, Ili Diyana berkata, pasangan yang bekerja juga disarankan me-

milih taksiran secara berasingan bagi membolehkan masing-masing mendapat pelepasan diri RM9,000 seorang.

Pembayar cukai yang mencarum Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) melibatkan mana-mana produk SSPN Prime dan SSPN Plus juga layak membuat tuntutan berdasarkan jenis taksiran yang dipilih sama ada taksiran berasingan atau taksiran bersama, katanya. - Bernama

HARIAN METRO

Tarikh: 21 AUG 2024

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hime-
tro.com.my

ADFIM ANJUR NCIG 2024 OKTOBER INI

HM 21/8

Kuala Lumpur

Integriti dalam tatakelola perlu dibudayakan sebagai suatu yang sinonim serta bersimbiosis dalam semua organisasi dan elemen murni serta universal itu perlu terus diperkasakan untuk menyuburkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang lestari.

Setiausaha Agung Persatuan Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM) Mohd Prasad Hanif berkata, justeru pihaknya menganjurkan Persidangan Kebangsaan Integriti dan Tatakelola 2024 (NCIG 2024) Oktober ini.

Menurutnya, matlamat utama NCIG 2024 untuk meneruskan kesinambungan misi dan komitmen ADFIM seperti usaha sama dilakukan pada 2022 dan 2023 dalam perkongsian visi serta pengetahuan amalan nilai murni iaitu ketelusan, etika dan bebas ra-

suah dalam tatakelola yang berintegriti di kalangan institusi kewangan pembangunan dan pihak berkaitan.

"Ia bertujuan menginspirasikan reformasi dan inovasi dalam amalan tatakelola termasuk meneroka potensi tatakelola digital dan impaknya terhadap ketelusan serta akauntabiliti organisasi.

"Turut diberi perhatian adalah ikhtiar memperkuatkan kolaborasi untuk mempraktikkan tatakelola yang berkesan serta memperkasakan pembabit awam dengan menyediakan platform dan melalui akses kepada maklumat," katanya kepada media di sini, semalam.

Penganjuran NCIG kali

ketiga itu akan berlangsung selama dua hari bermula 9 Oktober hingga 10 Oktober ini yang akan membawa beberapa speaker terbaik antaranya bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Tan Sri Rafidah Aziz.

Mohd Prasad berkata, ia juga akan membincangkan isu serta mencari solusi dalam menangani cabaran kontemporari, berkongsi idea dan menekankan ketelusan, akauntabiliti dan langkah membanteras akar rasuah untuk impak positif terhadap ekosistem perniagaan lebih murni dan kesejahteraan masyarakat.

"Peserta akan meraih info termasuk panda-

ngan mengenai strategi mempromosikan keterbukaan, akauntabiliti dan ketelusan. NCIG 2024 turut menyorot pendekatan partikal berkaitan kepimpinan dan tatakelola yang sihat dan beretika.

"Peserta akan mempelajari amalan terbaik dan model tatak-

"Peserta akan pelajari amalan terbaik dan model tatakelola berjaya"
Mohd Prasad



lola yang berjaya. Perken-
bangan terkini dalam go-
rakan membenci da-
membanteras rasuah ser-
implikasi tatakelola digi-
terhadap integriti organ-
sasi turut diangkat untu-
dibincangkan," katanya.

Katanya, persidangan
berkenaan turut d-
anjurkan denga-
kerjasama agen-
kerajaan berka-
tan untuk me-
nekankan ke-
mitmen bersi-
ma dalam mem-
promosi integri-
dan tatakelo-
yang baik (ne-
gara ini de-
ngan menyasa-
kan kira-kira 25
peserta.

HARIAN METRO
Tarikh: 21 AUG 2024

ALEXANDER (depan tiga dari kanan) pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya Ogos 2024 dan Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2024, semalam.



Basmi kegiatan ulat arkitek

Kuala Lumpur: Akta Arkitek 1967 (Akta 117) mampu menangani isu kegiatan ulat arkitek yang menjerat mangsa dengan menawarkan khidmat seni bina dan reka bentuk dalaman secara haram.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pelbagai peraturan dalam akta sedia ada boleh diguna pakai untuk membanteras kegiatan berkenaan.

"Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) memang ada akta 1967 di bawahnya, mereka sepatutnya menggunakan akta dan peraturan itu untuk menangani masalah itu (ulat arkitek)."

Selain itu, Akta Lembaga Pembinaan Industri Pembangunan (CIDB) Malaysia 1994 (Akta 520) juga boleh diguna pakai dalam mengawal selia kontraktor.

Peraturan dalam akta terbabit juga boleh dirujuk untuk kontraktor bertauliah sekiranya terbabit dalam ke-

giatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Kementerian Kerja Raya (KKR) di Kompleks Kerja Raya KKR, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan serta Ketua Eksekutif

CIDB, Datuk Mohd Zaid Zakaria.

Nanta berkata, kegiatan ulat arkitek berleluasa kerana pelbagai faktor termasuk mereka yang menggunakan khidmat kontraktor tidak sah kemungkinan tertarik dengan harga murah ditawarkan.

"Nasihat saya, elakkan menggunakan mereka sebab kalau ada masalah contohnya tidak bersetuju (berkenaan sesuatu perkara) menyebabkan akhirnya kerja-kerja tidak disempurnakan dengan sepatutnya ma-

ka akan ada masalah antara mereka.

"Sebaliknya, gunakan kontraktor bertauliah," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kegiatan ulat arkitek semakin berleluasa apabila menjerat mangsa dengan menawarkan iklan khidmat seni bina dan reka bentuk dalaman secara haram.

Kegiatan yang wujud sejak sekian lama itu dan semakin membarah dalam industri itu didakwa mendalangi isu projek rumah terbengkalai hingga menyebabkan ramai mangsa kerugian.

LAM menyifatkan kegiatan itu sebagai trend baharu yang memeranjatkan serta tidak pernah menjangkakan kegiatan haram ini mampu menular dengan cepat.

Projek yang menggunakan khidmat ulat arkitek ini dikategorikan sebagai projek haram kerana tidak memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam aspek kelulusan merancang dan pelan bangunan.

"Sepatutnya gunakan akta dan peraturan untuk menangani masalah itu"
Alexander

HARIAN METRO
Tarikh: 21 AUG 2024

INDUSTRI AEROANGKASA

Malaysia miliki peluang pimpin rantau Asean

Kuala Lumpur: Malaysia boleh memperjuangkan amalan lestari dengan memanfaatkan kekuatannya dalam industri aeroangkasa menerusi kerjasama serantau di seluruh Asean, kata Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Liew Chin Tong.

Beliau berkata, kemampuan adalah penting dalam industri aeroangkasa kerana ia menyesuaikan diri dengan permintaan global untuk amalan lebih hijau serta menambah bahawa trend seperti bahan api penerbangan mampan, elektrifikasi dan teknologi neutral karbon sedang membentuk masa depan penerbangan.

"Malaysia mempunyai peluang unik untuk memimpin rantau ini dalam kemajuan ini apabila kita menyandang jawatan Pengerusi Asean pada 2025.

"Dengan memanfaatkan kekuatan Malaysia miliki, kita boleh memperjuangkan amalan mampan, memupuk kerjasama serantau dan mempercepatkan penggunaan teknologi hijau di seluruh Asean," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Sidang Kemuncak Aeroangkasa Malaysia 2024 (MyAERO '24), di sini, semalam.

Liew berkata, Malaysia bukan sahaja harus mengguna teknologi tetapi juga berusaha untuk menjadi inovator (pencipta).

Beliau berkata, industri aeroangkasa menghadapi cabaran kerana terdapat hanya beberapa pemain global yang membina pesawat dan industri di Malaysia, sebuah negara kecil dihubungkan secara langsung dengan syarikat global terkemuka sebagai pembekal.

"Bagaimanapun perkara itu tidak boleh menghalang industri aeroangkasa Malaysia daripada menghubungkan secara langsung dengan industri lain di Malaysia seperti industri semikonduktor atau industri yang terlibat dalam pembangunan bahan," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh 21 AUG 2024

Kuala Lumpur: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan pada 22 Ogos ini sebelum mengumumkan caj akses pihak ketiga terhadap grid elektrik Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Petra Datuk Seri Fadillah Yusof (*gambar*) berkata, pihak berkepentingan itu membabitkan penggiat industri, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Menurutnya kerajaan dalam peringkat akhir memuktamadkan Skim Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) yang dijadualkan

Petra umum caj akses pihak ketiga grid elektrik selepas sesi libat urus

selesai bulan depan.

"Kami mengumpulkan maklum balas daripada pihak berkepentingan mengenai CRESS, mengemukakan cadangan kerajaan, dan membincangkan berkenaan caj itu.

"Walaupun kami ada idea mengenai angkanya, kami tidak boleh mengumumkan sehingga ia dimuktamadkan dan diperseujui semua sektor," katanya dalam sidang media pada Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) ke-6 2024, semalam.



Sidang kemuncak itu dianjurkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia yang diadakan semalam sehing-

ga hari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Terdahulu, beliau berkata, kerajaan terus mempercepat dan mempertingkatkan pelaksanaan mekanisme grid terbuka, memudahkan peningkatan akses kepada elektrik hijau untuk perniagaan melalui perjanjian pembelian korporat pihak ketiga.

"Kita secara strategiknya beralih daripada model pembeli tunggal bagi pembangunan tenaga boleh baharu (TBB) untuk mengurangkan risiko sistem bekalan elektrik ne-

gara yang berkesan, mendorong penyertaan dan persaingan lebih besar dalam industri bekalan kuasa dan dalam kalangan pihak berkepentingan TBB," katanya.

Fadillah menekankan peralihan ini merangsang pasaran berdaya saing kepada TBB yang membawa kepada pengurangan kos, meningkatkan keyakinan pelabur dan mempercepatkan penggunaan teknologi tenaga bersih.

"Pada masa sama, SEDA Malaysia menjalankan kajian kluster biotenaga un-

tuk mendapatkan bekalan elektrik hijau daripada sumber bukan solar yang dibenarkan di bawah CRESS," katanya.

Beliau berkata, kerajaan terus menggalakkan pembangunan dan penggunaan sumber TBB bukan solar seperti biogas, biojisim dan hidro mini untuk mempelbagaikan sumber penjana kuasa negara di samping memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan sistem tenaga.

"Setakat ini, pada pandangan kita yang paling cepat dan berpatutan adalah tenaga solar, menerusi projek solar berskala besar (LSS) iaitu LSS1 hingga LSS5 yang dilaksanakan menerusi tender terbuka," katanya. - Bernama

HARIAN METRO
Tarikh: 21 AUG 2024

SSPA dorong reformasi penjawat awam kuasai teknologi baharu

BH 21/8



Penolong Pengarah Kanan, Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri

Oleh Dr Muhammad Saifulbaki Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baharu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan akan berkuat kuasa pada 1 Disember depan memberi satu harapan baharu kepada sistem pentadbiran kerajaan.

Pelaksanaan SSPA nanti bukan semata-mata untuk memastikan kebajikan penjawat awam terbela, tetapi paling penting adalah rakyat bakal menerima perkhidmatan lebih baik daripada sektor awam.

Hal ini sangat penting supaya kepercayaan rakyat terhadap sistem kerajaan dapat dikembalikan akibat pelbagai isu ketidakcekapan serta integriti melanda sektor awam sebelum ini.

Penjawat awam adalah benteng utama untuk memastikan negara kekal kukuh, stabil dan berdaya tahan. Profesionalisme sebagai seorang penjawat awam sangat penting untuk memberi khidmat kepada rakyat berdasarkan idea, perancangan mahupun dasar yang diperkenalkan oleh kepimpinan negara.

Dalam aspek ini, perkhidmatan awam perlu bergerak dengan lebih efisien supaya ekosistem negara ini menjadi mesra pelabur, tarikan pelancong dan yang paling penting rakyat berasa

selamat dan sejahtera. Maka, Malaysia perlu keluar daripada masalah kakitangan awam terbelat dengan masalah rasuah, salah guna kuasa, pemalas dan tidak berintegriti.

Sangat wajar apabila SSPA akan diberikan kepada mereka yang benar-benar produktif dan bebas daripada masalah tatatertib. Dalam hal ini, kerajaan perlu serius menghapuskan budaya negatif dalam sektor kerajaan.

Penjawat awam perlu faham rakyat di luar sana adalah pemegang taruh penting kepada mereka. Mereka antara pihak menyumbang kepada hasil negara. Oleh hal demikian, keperluan asas rakyat perlu menjadi keutamaan supaya ia dapat dipenuhi dengan lebih baik dan pantas. Masalah birokrasi melampau harus ditangani dengan sistematik supaya urusan rakyat dipermudahkan dalam apa sahaja perkara.

Rakyat mahu melihat cukai mereka salurkan kepada negara yang sebahagiannya untuk menanggung emolumen kakitangan kerajaan dibalas dengan khidmat bermutu tinggi.

Harapan baharu kepada rakyat

SSPA bakal berkuat kuasa pada 1 Disember nanti menjadi harapan baharu kepada rakyat supaya perkhidmatan sektor kerajaan menjadi lebih efisien.

Dunia hari ini sedang berhadapan dengan cabaran era pascanormal. Jika sikap, tindakan

mahupun dasar dipegang masih ortodok, maka ia tidak memberikan hasil luar biasa kepada sesuatu kejayaan.

Penjawat awam perlu kalis dan mampu beradaptasi dengan era pascanormal digambarkan dunia bergerak semakin pantas serta setiap yang berlaku akan memberi kesan sangat meluas.

Penjawat awam perlu menguasai ilmu dan teknologi baharu jika mahu kekal relevan dalam dunia semasa. Kita perlu bersedia untuk *unlearn* doktrin lapuk dan *relearn* sesuatu lebih baik.

Padang 20 tahun lalu mungkin sangat berbeza berbanding sekarang dan akan datang. Dunia berhadapan pelbagai cabaran, antaranya soal keselamatan makanan, bencana alam, keyakinan demokrasi, masalah sosial dan perang saudara.

Semua cabaran ini perlu diurus semua pihak khususnya sektor awam, sebagai tulang belakang pentadbiran negara. Justeru, peranan penjawat awam diperlukan bagi memastikan negara mampu melalui cabaran itu kerana mereka adalah benteng utama sistem pertahanan negara.

Semua Kementerian perlu bekerja secara berpasukan kerana ia akan melengkap fungsi antara satu sama lain. Penjawat awam perlu bekerja untuk negara, bukannya kepentingan diri dan jabatan semata-mata.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

BERITA HARIAN
Tarikh... 21 AUG 2024

Hargai nikmat kemerdekaan, henti remehkan tugas pihak lain

MA 2/8



Pensyarah
Jabatan Akidah &
Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian
Islam, Universiti
Malaya

Oleh Prof Madya Dr Mohd Khairul Naim Che Nordin
bhagama@bh.com.my

Saban pagi, apabila bangun tidur, pasti mendengar suara bilal melaungkan azan menerusi pembesar suara di masjid dan surau di serata tempat. Laungan azan itu berseutan serentak, mengikut takwim waktu solat ditetapkan pihak berkuasa agama.

Apabila ke masjid menunaikan solat berjemaah, ia ditunaikan seragam menurut Mazhab Syafii sehingga dengan itu tidak timbul perselisihan akibat persoalan furu' dalam ibadah.

Seawal permulaan hari umat Islam, kita bersarapan tanpa rasa was-was mengetahui ada jaminan halal dikeluarkan kerajaan pada produk makanan.

Jika tiba Ramadan pula, umat Islam berpuasa bersama dan serentak seperti diumumkan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Bahkan untuk menunaikan zakat, ditetapkan kadar tertentu dan ada pihak berkuasa dipercayai memanfaatkan kutipan zakat itu.

Dalam kehidupan seharian pula, boleh dikatakan setiap saluran televisyen nasional menyiarkan program kuliah dan ceramah agama daripada penceramah bertauliah. Siaran program ini pula dianjurkan khusus pihak berkuasa yang berperanan menjalankan dakwah dan menyebarkan kefahaman Islam menurut perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kadangkala terdengar berita atau membaca akhbar atau menerusi berita dalam talian berkenaan penahanan ahli kumpulan ajaran tertentu didakwa menyeleweng daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Berdasarkan berita itu kita mengetahui adanya penguatkuasaan undang-undang diperuntukkan untuk menjamin ajaran Islam sebenar.

Sementara itu, dalam urusan khas seperti nikah kahwin, urusannya perlu melalui pelbagai prosedur bermula wajib menghadiri kursus pra-perkahwinan sehingga mengisi pelbagai borang.

Walaupun agak rumit, namun ia penting sebagai bukti rekod dan penentuan nasab anak sekali gus jalur keturunan keluarga diketahui, membolehkan masyarakat Islam hidup secara teratur dan harmoni.

Mungkin ramai tidak menyedari belanjawan tahunan diumumkan Menteri Kewangan antaranya memberi peruntukan besar untuk membangun dan memajukan hal ehwal Islam. Peruntukan ini bukan diambil daripada wang zakat tetapi daripada kantung wang negara.

Di Parlimen, sebahagian besar ahlinya adalah beragama Islam, membolehkan pelbagai undang-undang berkaitan Islam dibela, dijaga dan diperkuatkan seperti pemerkasaan Mahkamah Syariah.

Berdasarkan Perkara 159 dan 161E Perlembagaan, umat Islam patut sedar Perlembagaan dan ada akta boleh dipinda dalam usaha memperkasa undang-undang Islam.

Berhubung urusan muamalah pula, umat Islam mempunyai pilihan mahu menyimpan atau melabur wang, memilih institusi kewangan patuh syariah dan melepasi segala syarat ketat halal ditetapkan.

Bagi mereka yang mencarum di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), skim simpanan patuh syariah disediakan bagi memastikan wang caruman tidak digunakan bagi tujuan riba, perjudian dan 'gharar' iaitu ketidakpastian dalam kontrak.

Berdasarkan beberapa contoh di atas, boleh dirumuskan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini sebenarnya berintegrasi sepenuhnya dalam kehidupan setiap individu Muslim di Malaysia.

Benarkan agama lain diamalkan secara aman

Walaupun mungkin masih wujud kelompangan dan masalah di beberapa tempat pada aspek pelaksanaannya, namun kita seharusnya bersyukur urusan hal ehwal Islam ini dapat diurus secara teratur sehingga mungkin ada yang tidak sedar nikmat beragama di tanah air.

Di samping itu, persoalan pelaksanaan Islam itu pula tidak semestinya perlu diberi nama atau label Islam. Apa yang utama ialah objektif, nilai, penerapan dan tatarannya menepati syariat. Ia berjalan sejak sekian lama dan beransur-ansur sejak negara merdeka pada 31 Ogos 1957.

Malaysia adalah sebahagian negara mengangkat kedudukan agama dan Perkara 3 Perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan, namun pada masa sama, membenarkan agama lain diamalkan secara aman dan damai.

Ketika negara mencapai kemerdekaan, bidang agama dipersetujui untuk diletakkan di bawah perkara negeri.

Oleh itu, di negeri beraja, Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ialah Raja manakala di negeri tiada beraja, ia diketuai Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara.

Pengasingan kuasa hal ehwal agama Islam ini tidak menyebabkan kecamuk kerana keputusan berkaitan agama diseragamkan Majlis Raja-raja. Contoh mudah adalah penentuan permulaan berpuasa Ramadan serta menetapkan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.

Dalam persoalan hukum syarak, Majlis Hal Ehwal Agama Islam ditubuhkan pada 1968 bagi membolehkan penyeragaman mengenai undang-undang keluarga Islam dan hal lain berkaitan.

Pada peringkat Pusat diwujudkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk pentadbiran Islam pada peringkat kebangsaan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bagi kerja pendakwaan dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bagi memberi kefahaman Islam kepada khalayak termasuk kepada bukan Islam.

Oleh kerana Islam agama Persekutuan, maka

kerajaan Pusat dan negeri dibenarkan menggunakan perbendaharaan negara bagi membangunkan hal ehwal Islam seperti pembangunan institusi agama, pembinaan masjid dan surau dan sebagainya.

Pada peringkat negeri diwujudkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi memberi nasihat kepada Raja, manakala bagi urusan rutin pentadbiran Islam, ditubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dikawal selia Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam.

Pentadbiran sepenuh masa diketuai Pengarah di bawahnya terdapat pelbagai unit bertanggungjawab dari negeri, daerah, mukim sehinggalah kampung. Di setiap daerah terdapat jabatan agama bagi menguruskan soal nikah, cerai, pelantikan imam dan bilal serta urusan masjid.

Di setiap negeri juga ditubuhkan lembaga zakat berperanan mengutip zakat. Hasil zakat disalurkan kepada asnaf menerusi pelbagai program bersesuaian. Kerajaan juga menubuhkan Mahkamah Syariah bagi membicarakan kes berkaitan hukum syarak.

Bidang kuasanya ditentukan Akta Mahkamah Syariah 1965. Semakan demi semakan terus dibuat bagi memastikan bidang kuasanya kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa.


Oleh itu, nikmat kemerdekaan dinikmati umat Islam khasnya dan rakyat bukan Islam amnya adalah hasil daripada usaha generasi terdahulu memartabat kedudukan Islam sewajarnya.

Perubahan ini tidak berlaku drastik tetapi secara harmoni, umpama 'menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak'.

Ketika Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman membacakan 10 perenggan Pemahsyuran Kemerdekaan, beliau memulakan dengan membaca 'Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani'.

Pemahsyuran ini ditulis dalam menggunakan tulisan Jawi sebagai menandakan eratnya hubungan Islam dan Melayu sebagai identiti negara.

Maka, hargailah nikmat merdeka dalam beragama ini dengan rasa syukur, berhenti memperitai atau meremehkan kerja orang lain, bersama di setiap peringkat berusaha menjadikan Malaysia negara baik lagi makmur.



PuTERA35 jayakan agenda pacu ekonomi Bumiputera

bh 21/8

Syor penyelarasan antara agensi, kementerian bagi pastikan maklumat sampai kepada golongan sasaran

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendekatan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang lebih komprehensif dan terancang mampu menjayakan agenda pembangunan ekonomi Bumiputera.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, PuTERA35 adalah penambahbaikan kepada program sedia ada dan mempunyai sudut pandang yang lebih luas.

Katanya, pendekatan ketiga-tiga teras PuTERA35 mengambil kira penguasaan ekonomi, tatakelola serta aspek pembasmian kemiskinan tegar.

"Bagaimanapun, perkara yang perlu diutamakan adalah penyelarasan antara kementerian, agensi kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di peringkat persekutuan dan negeri serta syarikat pelaburan kerajaan (GLIC).

"Ini kerana terdapat pelbagai bantuan yang sudah wujud dalam kalangan organisasi yang mana tahap penggunaannya mungkin masih kurang atau maklumatnya tidak sampai kepada golongan sasaran," katanya.

Perlu ada program motivasi

Tambahnya, perlu ada program motivasi yang berterusan terutama untuk pelajar dan peniaga Bumiputera untuk memastikan

mereka mempunyai semangat yang kental untuk menghadapi cabaran masa akan datang.

Katanya, dengan motivasi yang tinggi dan sikap positif, agenda pembangunan bagi golongan Bumiputera dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan berkesan.

"Sebenarnya, ekonomi Bumiputera sudah pun menunjukkan tanda-tanda peningkatan dalam penguasaan ekonomi dan kekayaan. Sebagai contoh, jumlah penyimpanan di dalam simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) berjumlah RM500,000 dan ke atas, mencatatkan kenaikan saban tahun.

"Pada tahun 2023, penyimpanan di dalam ASB yang mempunyai simpanan RM500,000 dengan 30,946 pemegang unit. Angka ini tinggi jika dibandingkan pada tahun 2016 iaitu 19,881 pemegang unit...perkara ini bersamaan pertumbuhan purata tahunan di-

kompaun 6.5 peratus setahun," katanya.

Beliau berkata ia menunjukkan ramai Bumiputera mempunyai simpanan tinggi dan melambangkan taraf kedudukan ekonomi yang lebih baik.

"Justeru, penambahbaikan melalui PuTERA35 sudah pasti akan dapat menjayakan agenda pembangunan ekonomi Bumiputera yang lebih lestari berikutan pendekatannya yang lebih komprehensif dan terancang," katanya.

PuTERA35 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kelmari, disokong oleh tiga teras, 12 pemacu dan 132 ikhtiar yang komprehensif, berani, berpandangan jauh dan lebih inklusif serta merupakan anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

Tiga teras yang digariskan dalam PuTERA35 adalah memperkukuh pasak ekonomi negara, memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.



Mohd Afzanizam

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.1 AUG 2024.....

Malaysia mampu capai tangga ke-25 CPI

Putrajaya: Presiden Transparency International Malaysia (TI-M) Dr Muhammad Mohan yakin Malaysia mampu mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033 sekiranya kerajaan dan rakyat bersatu memerangi rasuah di negara ini.

Beliau berkata ini kerana untuk mencapai kedudukan ke-25 dalam CPI seperti yang disasarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tempoh tersebut, memerlukan pengemulungan usaha dan komitmen daripada semua pihak.

"Dalam tempoh sembilan tahun ini hingga 2033, perlu ada perubahan holistik dan ini memerlukan kerjasama daripada semua sektor awam, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin politik," katanya sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) tahun ini.

Muhammad berkata walaupun terdapat kemajuan dalam usaha kerajaan memerangi rasuah, penilaian global menunjukkan bahawa pencapaian Malaysia dalam CPI masih kurang memuaskan.

Menurut Muhammad, sejak 2012, pencapaian Malaysia dalam CPI tidak konsisten dengan skor

"Dalam tempoh sembilan tahun ini hingga 2033, perlu ada perubahan holistik dan ini memerlukan kerjasama daripada semua sektor awam, swasta, NGO serta pemimpin politik"

Muhammad Mohan,
Presiden TI-M



berada dalam lingkungan 47 hingga 53.

Skor CPI merujuk kepada skala dari 0, yang dianggap sangat korup hingga 100 yang dianggap sangat bersih.

Pada 2019, Malaysia mencapai skor tertinggi dengan 53 mata, tetapi pencapaian itu menurun dalam tahun-tahun berikutnya, terutama selepas ketidakstabilan politik dari 2020 hingga 2022.

Muhammad berkata disebabkan markah yang tidak meningkat secara ketara, kedudukan Malaysia dalam CPI berada dalam lingkungan antara 57 hingga 62 dalam tempoh 2020 hingga 2022, daripada 180 negara yang dinilai.

Pada 2023, Malaysia berada di kedudukan 57, berbanding

kedudukan ke-61 pada tahun sebelumnya.

Justeru, Muhammad berkata bahawa beliau optimis keazaman Anwar untuk meletakkan Malaysia di kedudukan ke-25 dalam CPI dapat dicapai sekiranya beberapa pindaan akta yang dicadangkan kerajaan ke arah itu dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Katanya, ini termasuk pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 serta penggubalan Akta Pendanaan Politik dan Akta Perolehan Kerajaan.

Menurut Muhammad, pemisahan kuasa antara peguam negara dengan pendakwa raya, reforma-

si Parlimen, dan pelaksanaan penuh Strategi Pembantasan Rasuah (NACS) 2024-2028 juga boleh membantu Malaysia mencapai sasaran ke-25 dalam CPI tersebut.

"Bukan saja perubahan dalam reformasi institusi, tetapi juga tatakelola yang baik, kecekapan dalam pentadbiran, ketelusan dan yang penting akauntabiliti.

"Jika semua ini berlaku serentak, saya percaya kita masih ada harapan untuk mencapai sasaran Perdana Menteri, iaitu kedudukan ke-25 dalam CPI menjelang 2033," katanya.

Beliau berharap Kerajaan MADANI dapat mempercepatkan pelaksanaan reformasi, manakala rakyat perlu memainkan peranan aktif dalam menentang rasuah.

"Kesedaran dan keberanian untuk melaporkan rasuah serta melaksanakan reformasi institusi adalah langkah penting dalam memastikan keadilan dan integriti dalam pentadbiran negara," katanya.

Muhammad dalam pada itu berharap semangat kemerdekaan pada tahun ini dapat disemarakkan dengan semangat berani rakyat untuk bersama-sama menentang jenayah rasuah dan salah laku.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.1.AUG.2024....

PETRA adakan sesi libat urus teliti caj akses grid tenaga

Maklum balas
agensi, NGO dan
korporat diambil
kira sebelum skim
CRESS dilaksana
bulan depan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan pada Khamis, sebelum caj yang akan dikenakan untuk akses pihak ketiga kepada grid tenaga Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, syarikat korporat dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) akan diambil kira sebelum semua skim berkaitan Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) dilaksanakan bulan hadapan.

"Kami akan mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh berhubung CRESS sebelum membentangkan cadangan kerajaan. Berhubung caj pihak ketiga, ia akan dimuktamadkan selepas mendapat persetujuan bersama pihak berkepentingan dan peserta industri dan dipersetujui semua sektor yang terbabit," katanya pada sidang sempena Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa Ke-6 (ISES) 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Bulan lalu, kerajaan mengumumkan cadangan untuk memperkenalkan CRESS bermula September ini untuk meningkatkan



Fadillah (tengah) merasmikan Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa 2024, Ke-6 sambil diperhatikan Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir (dua dari kanan) dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

akses syarikat korporat kepada bekalan tenaga hijau.

Melalui konsep akses grid terbuka, pihak ketiga (TPA) boleh membekal (menjual) atau mendapat (membeli) bekalan elektrik melalui sistem rangkaian grid dengan caj akses sistem yang ditetapkan.

Pengenalan program CRESS itu ialah sebahagian daripada usaha PETRA di bawah Inisiatif GREENS Madani atau *Government Renewable Energy Enhancement for Niche Sector* bertujuan menyokong hasrat peralihan tenaga sektor berkeutamaan tinggi.

Pelaksanaan pembekalan elektrik itu akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), manakala Single Buyer (SB) dan Grid System Operator (GSO) akan berperanan sebagai pengendali pasaran dan sistem.

Boleh jual secara langsung

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, CRESS menerapkan konsep di mana TPA boleh menjual secara

langsung kepada pembeli menggunakan grid transmisi milik Tenaga Nasional Bhd (TNB).

"Apabila menggunakan grid transmisi TNB akan ada sedikit caj di mana jumlahnya belum dimuktamadkan. Konsepnya seperti membayar tol apabila kita menggunakan laluan berkaitan," katanya.

Beliau berkata, menerusi CRESS kerajaan akan terus mempercepat dan meningkatkan pelaksanaan mekanisme grid terbuka, memudahkan akses yang lebih besar kepada elektrik hijau untuk perniagaan melalui perjanjian pembelian tenaga pihak ketiga atau korporat.

Katanya, negara akan beralih secara strategik daripada model pembeli tunggal untuk pembekalan tenaga boleh diperbaharui (RE) bagi mengurangkan risiko sistem bekalan elektrik negara, menggalakkan penyertaan dalam persaingan yang lebih besar dalam industri bekalan tenaga dan dalam kalangan pemegang kepentingan RE.

"Peralihan ini akan mengga-

lakkan pasaran kompetitif untuk tenaga boleh diperbaharui, membawa kepada pengurangan kos, peningkatan keyakinan pelabur dan mempercepatkan penggunaan teknologi tenaga bersih.

"Ia juga menggalakkan pembangunan dan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui bukan solar seperti biogas, biojisim, dan mini-hidro untuk mempelbagaikan sumber penjanaan kuasa sambil memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan sistem tenaga," katanya.

Fadillah berkata, bagi memperkukuhkan komitmen kerajaan, kuota Tarif Galakan (FIT) sebanyak 190MW untuk pembangunan biogas, biojisim, dan mini-hidro akan diperuntukkan melalui e-bidaan.

"Pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia akan menjalankan kajian kelompok tenaga bio dalam mendapatkan sumber elektrik hijau daripada sumber bukan solar yang akan dibenarkan di bawah CRESS yang baru diperkenalkan," katanya.

Lebih 7,000 peluang pendidikan TVET ditawarkan sempena PAU 2024

UMNO terus perjuang agenda Melayu, sedia peluang tingkat kemahiran kepada pelajar keciciran

Oleh Sariha Mohd Ali dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2024 bermula hari ini mencatat sejarah apabila pentas itu buat kali pertama turut menjadi platform yang menawarkan lebih 7,000 peluang pendidikan bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada golongan muda khasnya Bumiputera meningkatkan kemahiran masing-masing.

Urus setia perhimpunan yang mengumpulkan perwakilan UMNO daripada 191 bahagian seluruh negara itu, turut mengambil inisiatif menganjurkan Program Eksplorasi Kerjaya TVET di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) bermula Jumaat hingga Ahad ini.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata program pemeraksanaan TVET itu diadakan bersekalikan dengan PAU 2024 bagi membuktikan agenda membantu golongan muda Melayu dan Bumiputera meningkatkan ekonomi melalui pendidikan terbabit sentiasa menjadi fokus perjuangan parti itu.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) berkata, kajian mendedahkan 95 peratus daripada 30,000 pelajar yang keciciran dengan tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 280,000 pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran selepas SPM adalah orang Melayu.

Susulan itu, katanya, UMNO tidak akan mendiskriminasi mereka ini dengan menyediakan bantuan sewajarnya supaya boleh meneruskan kehidupan dengan lebih baik, sekali gus mengelak kumpulan itu terbabit dengan masalah sosial negara.

"UMNO fokus pada agenda berorientasikan rakyat dan kita tetap mengutamakan perjuangan mengangkat martabat Melayu dan Islam tanpa menepikan kepentingan masyarakat lain juga.

"Sebab itu, kita prihatin terhadap masa depan orang muda



Persiapan giat dijalankan sempena PAU 2024, di WTCKL, semalam.

(Foto Genes Gulitah/BH)

TVET ini dekat di hati pemimpin UMNO kerana ia 'bayi' yang lahir hasil air tangan mereka bagi memperkasa pelajar supaya ada jaminan keselamatan masa depan mereka



Asyraf Wajdi Dusuki, Setiausaha Agung UMNO dan Pengerusi MARA

Melayu yang keciciran dalam pelajaran. Jadi, buat kali pertama kita adakan Program Eksplorasi Kerjaya TVET sempena PAU 2024 ini dan medium itu boleh digunakan untuk mereka mendapatkan maklumat dan peluang pendidikan untuk memajukan diri.

"TVET ini dekat di hati pemimpin UMNO kerana ia 'bayi' yang lahir hasil air tangan mereka bagi memperkasa pelajar supaya ada jaminan keselamatan masa depan mereka.

"Kita menasarkannya 15,000 ahli parti dan anak muda berhimpun di WTCKL sempena PAU dan menerusi eksplorasi TVET, kita menyediakan lebih 7,000 peluang pendidikan kepada mereka yang berminat menyambung pengajian dalam bidang terbabit di bawah institusi MARA," katanya kepada BH semalam.

Asyraf Wajdi berkata, MARA

Melayu dan Bumiputera meneruskan pengajian dalam bidang TVET," katanya.

Pada masa sama, Asyraf Wajdi berkata, 3,525 peluang pengajian dibuka di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bagi pengambilan September ini dan 3,800 bagi pengambilan Januari tahun depan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM), MARA Japan Industrial Institute (MJII) dan Institut Kemahiran MARA (IKM).

Fokus empat elemen utama

Beliau berkata, pihaknya melalui MARA bersedia menggalas tanggungjawab melatih pelajar Melayu dan Bumiputera dan ia selari dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang memberi tanggungjawab kepada majlis itu untuk melatih 60,000 tenaga kerja.

"Program eksplorasi itu akan memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu pameran teknologi dan kerjaya, pameran kisah kejayaan ikon TVET, bual bicara ikon TVET dan konsultasi latihan serta kerjaya," katanya.

Beliau berkata, ia akan mengentengahkan pameran teknologi berdasarkan sembilan sektor dengan MARA mengendalikan lima kluster iaitu kluster teknologi aeroangkasa UniKL dan teknologi pembuatan termaju.

Katanya, selain itu, MARA juga mengetahui teknologi robotik dan internet kebendaan (IoT) Bahagian Kemahiran Teknikal

(BKT), teknologi multimedia kreatif, dan teknologi rel.

"Sementara bagi kluster lain iaitu teknologi automotif ia di kendalikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); teknologi perladangan moden bag Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Kluster teknologi pertanian dan penternakan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), manakala teknologi pembinaan dan tenaga boleh diperbaharui (Kementerian Kerja Raya).

"Pameran kisah kejayaan dari sesi bual bicara ikon TVET pula akan berperanan sebagai bukti konkrit potensi bidang berkenaan dalam membina kerjaya dan menjana pendapatan dengan kisah kejayaan mereka akan di pameran dalam program ini, katanya.

Beliau berkata, elemen kor sultansi latihan dan kerjaya akan memfokuskan kepada aktiviti khidmat nasihat berkaitan pemilihan bidang latihan, institusi latihan dan perancangan laluan kerjaya.

Katanya, sesi konsultasi ini membabitkan kepakaran tenaga pengajar TVET merentasi pelbagai kementerian dan tenaga mahir industri untuk memberi pencerahan kepada pengunjung berkaitan bidang diminati.

"Pameran teknologi menerangkan konsep ruang terbuka dengan setiap kluster teknologi di pameran di Dewan Tun Hussien Onn," katanya.

Sementara itu, mengenai PAU 2024, Asyraf Wajdi berkata, antara usul yang paling banyak diterima adalah membabitkan ekonomi, kos sara hidup dan perkara berkaitan pendidikan.

Beliau berkata, berdasarkan usul dibawa khususnya dalam aspek kos sara hidup adalah penting untuk kerajaan memastikan kuasa membeli rakyat sentiasa ada.

"Usul turut membabitkan bagaimana rakyat harus tanga dalam konteks keciciran, ini berkaitan dengan agenda presiden melalui TVET, sebab itu antara agenda besar kita lakukan di UMNO adalah dasar TVET.

"Malah, presiden sentiasa nyebut bukan fokus soal gaji minimum, namun gaji premium bagi mereka yang mempunyai mahir dikehendaki industri.

"Sebanyak 1,345 institusi TVET untuk diselenggarakan menteri adalah penting sel memastikan kurikulum dan latihan institusi bidang mempunyai orientasi kepada industri," katanya.



AMIRUDIN Shari melawat pameran sempena Majlis Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Deraf Rancangan Tempatan MDSB 2035 di Sabak Bernam, Selangor, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Naik gaji: Selangor akan umum sebelum Disember

21/8 2024

SABAK BERNAM: Lebih 21,000 penjawat awam di bawah Kerajaan Negeri Selangor bakal menerima pelarasan gaji baharu seperti mana Kerajaan Persekutuan pada Disember ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, bagaimanapun kerajaan negeri sedang meneliti implikasi kewangannya termasuk keperluan peruntukan tambahan bagi membiayai saraan baharu kakitangan awam.

Menurutnya, kaedah kenaikan turut dilakukan secara berfasa pada Disember ini dan Januari 2026 seperti mana di-

lakukan di peringkat Persekutuan.

"Kita sedang kira impak tetapi kita memang sudah bersedia termasuk dengan peruntukan tambahan yang mungkin untuk membiayai peningkatannya. Siap-siap nanti kita umumkan, sebab bulan Disember, masih ada masa.

"Tetapi saya tetap akan laksanakan pada bulan Disember. Kadarnya kita akan ikut seperti diumumkan Perdana Menteri (termasuk tangga gaji dan penstrukturan semula seperti dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam)," katanya pada

Majlis Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Deraf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 2035, hari ini.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, jumlah peningkatan pendapatan yang akan diterima penjawat awam diunjurkan antara 16.8 hingga 42.7 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah tersebut mengambil kira faedah berganda apabila ia dijalankan melalui dua fasa bermula Disember 2024 dan Januari 2026.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 21 AUG 2024

Persatuan pengguna gesa kerajaan pantau harga

21/8
utusan

PETALING JAYA: Persatuan pengguna menggesa kerajaan memantau harga barang dan perkhidmatan supaya tidak ada peniaga yang mengambil kesempatan ekoran daripada pengumuman penyelarasan gaji penjawat awam minggu lalu.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, situasi tersebut dibimbangi akan dijadikan alasan oleh peniaga untuk menaikkan harga sehingga menekan pengguna.

Menurut beliau, penjawat awam perlu berbelanja secara berhemah bagi mengelak berlaku kenaikan harga yang melampau.

"Saya bimbang para peniaga akan ambil ini sebagai peluang untuk mereka menaikkan harga, mereka akan memberi alasan sebelum ini kumpulan tersebut memang sudah menanggung kos yang tinggi tetapi tidak menaikkan harga kerana takut tiada pelanggan."

"Tetapi disebabkan ramai penjawat awam mendapat kenaikan gaji maka kemungkinan peniaga akan berani menaikkan harga," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jumaat lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam sebanyak 16.8 peratus hingga 42 peratus kakitangan awam.

Semakan pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Disember ini menyasarkan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada 2013.

Kenaikan gaji tersebut bakal dilaksanakan secara bertahap dengan fasa pertama bermula 1 Disember ini manakala fasa seterusnya akan bermula 1 Januari 2026.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 21 AUG 2024



SELESAIKAN isu pencen sangat rendah yang diterima oleh pesara-pesara GLC yang telah diswastakan pada tahun 1980-an. - UTUSAN

Selesaikan isu kadar pencen rendah diterima pesara GLC

SAUDARA PENGARANG.

PERDANA Menteri mengumumkan perubahan dalam kadar bayaran pencen susulan pelarasan gaji yang merupakan satu berita baik bagi kakitangan awam selepas kali terakhir dilaksanakan 13 tahun lalu.

Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) juga menyambut saranan Perdana Menteri agar sektor swasta mengambil langkah yang sama demi kebajikan pekerja masing-masing. Memandangkan gaji merupakan satu komponen penting dalam kehidupan kerja setiap pekerja, di semua peringkat dan sektor, kadar upah serta gaji yang sesuai dan sewajarnya mengikut perkembangan semasa dilaksanakan demi kepentingan semua.

UNI-MLC sektor swasta mengambil maklum nasihat Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia. Semua sedia maklum bahawa majoriti pekerja sektor swasta tidak dan belum menikmati pelarasan gaji sejak selepas pandemik Covid-19. Kebanyakan majikan menggunakan pelbagai alasan untuk tidak berbuat demikian.

Oleh itu, kami melihat sudah sampai masanya pihak sektor swasta melakukan tindakan konstruktif untuk memastikan adanya kenaikan dan pelarasan gaji untuk pekerja masing-masing. Langkah itu sudah pasti akan menaikkan semangat pekerja untuk bekerja dengan lebih baik, seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

Menyentuh mengenai kadar pencen, UNI-MLC juga berharap Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, akan tampil menyelesaikan isu pencen yang sangat rendah diterima oleh pesara-pesara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang telah diswastakan pada tahun 1980-an.

UNI-MLC telah mengetengahkan isu ini kepada kerajaan sejak dua dekad yang lalu,

tetapi sehingga kini tidak ada penyelesaian positif bagi menanganinya.

Untuk rekod, setakat ini, UNI-MLC membawa perkara ini untuk perhatian lima orang Perdana Menteri tetapi masih belum ada jalan penyelesaian.

Walaupun memorandum demi memorandum dihantar kepada kerajaan, namun tiada respons daripada kerajaan mahupun Kementerian Kewangan.

UNI-MLC agak kecewa kerana perkara ini tidak menemui jalan penyelesaian meskipun pelbagai usaha dilakukan termasuk membawa ke perhatian ramai perdana menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Memandangkan pelarasan gaji telah diumumkan, sehubungan dengan itu, UNI-MLC meletakkan harapan agar perdana menteri akan mengambil satu pendekatan positif dan konkrit bagi menyelesaikan isu kadar pencen rendah yang kini diterima oleh pesara-pesara agensi kerajaan yang diswastakan.

UNI-MLC berpandangan pesara seolah-olah sedang dianaktirikan dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam menjaga kebajikan sedangkan mereka juga banyak menyumbang kepada negara selaku modal insan penting dalam proses pembinaan negara.

Pesara yang menerima pencen rendah dengan kenaikan dua peratus setiap tahun kini hidup di bawah paras kemiskinan. Bayaran pencen rendah yang diterima adalah satu daripada masalah sosial dan ekonomi. Rata-rata pesara perkhidmatan GLC menerima pencen serendah RM180 sebulan.

Keadaan menjadi lebih parah dan teruk dengan kenaikan kos sara hidup sejak kebelakangan ini. Pesara-pesara terbabit kini tergolong dalam kategori B40.

DATUK MOHAMED SHAFIE BP MAMMAL
Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja
Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC)

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.1.AUG...2024

Mpox: Malaysia bebas jangkitan, pantau situasi di negara ASEAN

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@mediamulla.com.my

GEORGE TOWN: Malaysia bebas jangkitan Mpox atau cacar monyet tetapi giat berhubung rapat dengan negara-negara ASEAN bagi mendapatkan informasi terkini jangkitan penyakit di negara-negara berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, pada masa yang sama, semua agensi terlibat diarah memantau dengan rapi pintu-pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan kesihatan semua pihak terjamin.

"Kita sedang berhubung dengan semua negara ASEAN dan kita memang mengawal sepenuhnya pintu masuk serta memantau jangkitan yang sedang berlaku di negara jiran."

"Setakat ini, kita tidak mempunyai sebarang halangan (untuk keluar masuk ke negara-negara ini). Kenyataan rasmi telah dikeluarkan oleh KKM (Kementerian Kesihatan dan kita telah menyediakan panduan dan kaedah rawatan untuk merawat Mpox," katanya di sini semalam.

Terdahulu, Lukanisman merasmikan Persidangan Saintifik Kesihatan Sempadan Malaysia-Thailand kali ke-34 di Batu Fer-



Kita sedang berhubung dengan semua negara ASEAN dan kita memang mengawal sepenuhnya pintu masuk serta memantau jangkitan yang sedang berlaku di negara jiran."

LUKANISMAN AWANG SAUNI

ringhi, dekat sini.

Mpox ialah sejenis jangkitan yang disebabkan oleh virus Mpox, iaitu spesies di bawah genus orthopoxvirus. Jangkitan boleh berlaku antara manusia kepada manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan.

Malah, jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim, dengan

gejalanya termasuk demam berserta ruam 'maculopapular' atau ruam lepuh pada muka, tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan kornea.

Lukanisman berkata, kerajaan juga sedang memantau rapi situasi jangkitan di Eropah dan akan mengemas kini maklumat mengenainya kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

"Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), Menteri Kesihatan dan KKM sedang memantau rapi keadaan dan akan mengeluarkan kenyataan dari semasa ke semasa. Kita tidak mahu mencetuskan situasi panik dalam kalangan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, semua langkah berjaga-jaga telah diambil oleh agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), terutama sekali di pintu masuk negara dan juga di sempadan.

"Setakat ini, proses yang kita lakukan adalah sama seperti semasa pandemik. Jika terdapat sesuatu yang kita kesan terutama di pintu masuk sempadan, kita telah menyediakan garis panduan mengenainya," katanya.

Ditanya sama ada rakyat perlu mendapatkan vaksin Mpox, Lukanisman berkata, pihak Kementerian akan mengkaji sepenuhnya keperluan tersebut.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:21 AUG 2024.....

'Respect for *Rukun Negara* should start at preschool'

Sun
21/8

PUTRAJAYA: National Unity Deputy Minister K. Saraswathy said appreciation of the *Rukun Negara* in the education system should be applied as early as the preschool level and continue up to higher education.

She said the ministry has drawn up plans to mobilise efforts with NGOs, the Education Ministry, Higher Education Ministry and the Communications Ministry to enhance understanding of the *Rukun Negara*.

"Everyone must play their role in fostering national unity by reflecting the multicultural, multi-religious and multi-ethnic reality of Malaysia.

"The government and the people must collaborate to support the Federal Constitution as it embodies the social contract upon which the country was founded and ensures the protection of the rights of all citizens."

She was speaking at the Federal Territory-level *Rukun Negara* Mural Painting Competition prize presentation ceremony and the launch of the Arkib@Sekolah programme here yesterday.
- Bernama

THE SUN

Tarikh: 2.1 AUG 2024



Amir Hamzah (left) and Abdul Rasheed Ghaffour telling Malaysians don't get scammed' at the launch of the National Fraud Portal yesterday. — BERNAMAPIC

Malaysia seen as **model** in preventing financial fraud

► Some countries looking at our efforts as examples of innovative approaches: Amir Hamzah

■ BY HAYATUN RAZAK
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Some countries are looking to Malaysia as a model for its approaches in preventing financial fraud, said Finance Minister II Amir Hamzah Azizan.

He said continued diligence, dedication, and cooperation across the financial sector and law enforcement agencies must persist to advance the momentum of success achieved so far.

"I have been informed that other countries are also looking to Malaysia and our efforts, including the National Fraud Portal (NFP), as examples of innovative approaches to preventing financial fraud," he said at the launch of the National Fraud Portal yesterday.

He expressed hope that, moving forward, everyone will support efforts to maintain the integrity of the nation's digital ecosystem.

"Ensuring a safe and secure digital future is crucial to elevating the status and competitiveness of our country as envisioned under the Madani Economy framework," he said.

Bank Negara Malaysia (BNM), Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), and financial institutions have launched the NFP as an integrated platform to strengthen the operational capabilities of the National Scam Response Centre (NSRC).

Amir Hamzah said the NFP is poised to elevate the nation's strategy in combating online fraud by transforming the previously manual and time-consuming NSRC process.

"This portal is the leading automation platform in the region, providing secure access to critical databases to support fraud prevention, and offering NSRC members dynamic capabilities to detect and prevent fraudulent activities," he said. He explained that the portal will integrate financial transaction data from various sources to detect suspicious transactions and facilitate verification by the involved institutions.

"This automation speeds up actions, reduces fraud detection time, and prevents further losses," said Amir Hamzah.

He said rapid response is crucial to prevent stolen funds from being withdrawn from the financial system, thereby increasing the

chances of recovery.

Since the pilot phase, the National Fraud Portal has reduced the time to track fraudulent transactions by up to 75%, and increased the average monthly amount of frozen funds (or earmarked amount) by financial institutions by 28% or RM4 million.

"With the participation of 16 financial institutions, the benefits of this portal are expected to continue to grow, along with continuous improvements and more financial institutions joining," he said.

Amir Hamzah added that this portal is also supported by access to data on mule accounts from across the financial industry.

He said this protocol helps financial institutions classify mule accounts more accurately.

"I understand that with this data and analysis, the detection rate of mule account holders has increased by 14%.

"This protocol also standardises the industry's approach to assisting account holders who fall victim to fraud, ensuring they are not denied basic financial services," he said.

BNM governor Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour said, "With the NFP, the NSRC operations is now equipped with an end-to-end automated process from managing fraud reports, validating and tracing stolen funds, to sharing alerts among financial institutions to trigger prompt action."

THE SUN

Tarikh: 21 AUG 2024